

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.3/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 30 APRIL 2014
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.3/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 30 APRIL 2014
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

AGENDA

1. Bacaan Doa.
2. Ucapan Pengerusi.
3. Mengesahkan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.2/2014 bertarikh 31 Mac 2014.
4. Makluman Senarai Nama Ahli-Ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Di Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bagi Sesi 2014 - 2015.
5. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
 - 5.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.2/2014.
 - 5.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.3/2014.
 - 5.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.3/2014.
 - 5.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.2/2014.
 - 5.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.2/2014.
 - 5.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.5/2014.

- 5.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.6/2014.
6. Ucapan Penangguhan oleh Pn. Sian Keng Eng.
7. Penutup.

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.3/2014**

KANDUNGAN

1. Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.2/2014 bertarikh 31 Mac 2014.
2. Makluman Senarai Nama Ahli-Ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Di Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bagi Sesi 2014 - 2015.
3. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
 - 5.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.2/2014.
 - 5.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.3/2014.
 - 5.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.3/2014.
 - 5.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.2/2014.
 - 5.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan. Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.2/2014.
 - 5.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.5/2014.
 - 5.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.6/2014.

**MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BIL. 2/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : **31 MAC 2014**

MASA : **9.30 PAGI**

TEMPAT : **BILIK MESYUARAT 1
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Hj. Abd. Hamid bin Hussain
Timbalan Yang DiPertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Abdul Jalil bin Hasan | - | " |
| 4. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan | - | " |
| 5. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 6. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 7. | Tn. Mohamad bin Samat | - | " |
| 8. | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis | - | " |
| 9. | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 10. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 11. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 12. | Pn. Sharifah Haslizah binti Syed Ariffin | - | " |
| 13. | Tn. Azlan bin Maddin | - | " |
| 14. | Tn. Ramli bin Md Said | - | " |
| 15. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |
| 16. | Pn. Yogayswari a/p Ramalu | - | " |

TURUT HADIR (DALAMAN)

1. Drs. Sarodin bin Hj. Shahri
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
2. En. Johari bin Atli
Jabatan Undang-Undang
3. En. Hasrolnizam bin Shaari
Jabatan Kejuruteraan
4. Pn. Maizatul Hanisa binti M. Isa
Jabatan Perbendaharaan
5. En. Khairilazhar bin Ismail
Jabatan Belia dan Masyarakat
6. En. Mohd Fazrin bin Rahman
Bahagian Audit Dalam
7. Pn. Rosliza binti Mohd
Jabatan Perancangan Korporat
8. En. Mohamad Yusof bin Sulaiman
Jabatan Khidmat Pengurusan
9. Pn. Marlina binti Mohamad
Jabatan Pelesenan
10. En. Khairulazmi bin Abd. Rahman
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
11. Pn. Zuraina binti Said
Jabatan Perancang Bandar
12. Pn. Lily Hamaddah binti Ramle
Bahagian OSC
13. En. Muhamad Noor Isman bin Ismail
Bahagian COB
14. En. Ahmad Alhairi bin Muhamed Yusuf
Jabatan Bangunan dan Senibina

- | | | | |
|-----|---|---|----------|
| 15. | En. Rosli bin Jaafar
Jabatan Penguatkuasa | | |
| 16. | Pn. Norlela binti Kamsi
Bahagian Urusetia | - | Urusetia |
| 17. | Pn. Noryani binti Roslan
Bahagian Urusetia | - | Urusetia |

1. BACAAN DOA

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan

2. UCAPAN PENERUSI

Tuan Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Timbalan Yang Di Pertua selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan pihak media yang hadir ke Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2014 dan seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

- 2.1. Tuan Pengerusi bagi pihak semua warga kerja MPAJ mengambil kesempatan merakamkan ucapan takziah kepada semua ahli keluarga penumpang dan kru pesawat MAS MH 370 di mana YAB Perdana Menteri mengesahkan pesawat tersebut yang hilang sejak 8 Mac 2014 lalu `berakhir' di selatan Lautan Hindi Di Barat Perth, Australia. Sama-sama disedekah Al-Fatihah buat semua penumpang pesawat MH370. Semoga usaha mencari dapat diteruskan dan dipermudahkan.

- 2.2. Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telahpun disiapkan dan dibenteng dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan yang lepas dan diluluskan. Pendapatan MPAJ tahun 2013 adalah sebanyak **RM 140,397,401** dan Perbelanjaan sebanyak **RM128,413,806**. Lebihan sebanyak **RM11,983,595** bagi penyata kewangan MPAJ pada tahun 2013 lalu.
- 2.3. Bagi tahun 2014, sebanyak 21 lokasi pasar juadah akan dibuka dan sebanyak 1401 tapak yang bakal ditawarkan kepada para peniaga. Pengeluaran borang akan bermula pada 1 April 2014, dan pemulangan borang mulai 3-16 Jun bertempat di Galeri MPAJ (mengikut jadual).
- 2.4. Tuan Pengerusi turut memaklumkan perkara-perkara yang dibincangkan dan dimaklumkan oleh Y.B Dato' Teng Chang Khim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan Negeri Selangor pada 24 Mac 2014 lalu iaitu:
1. Jumlah kenaikan Fi lesen adalah nilai asas bajet pembangunan PBT.
 2. Tiada kenaikan Cukai Taksiran bagi tahun 2014 dan 2015.
 3. PBT perlu mengadakan perjumpaan 'Town Hall Meeting' dengan penduduk, yang bukan untuk membincangkan aduan tetapi lebih kepada taklimat program-program majlis iaitu apa yang akan dibuat akan datang dan juga meminta pendapat mereka.

- 2.5. Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan bahawa sembilan zon JKP yang masih belum mempunyai Ketua Zon akan diketuai oleh Ahli Majlis berikut secara memangku:

ZON	DUN	AHLI MAJLIS
Zon 2	Hulu Kelang	Tn. Azlan Bin Maddin
Zon 3	Hulu Kelang	Pn. Hajjah Wan Hasrina Binti Wan Hassan
Zon 7	Bukit Antarabangsa	Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar
Zon 8	Bukit Antarabangsa	Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis
Zon 9	Bukit Antarabangsa	Pn. Yogayswari A/P Ramalu
Zon 10	Lembah Jaya	Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long
Zon 13	Lembah Jaya	Pn. Sharifah Haslizah Binti Syed Ariffin
Zon 14	Lembah Jaya	Tn. Ramli Bin Md. Said
Zon 20	Teratai	Tn. Mohamad Bin Samot@Samat

Semoga kesemua Ahli Majlis dapat menjalankan tugas dengan cemerlang demi membantu MPAJ memberi perkhidmatan terbaik kepada penduduk di sekitar kawasan pentadbirannya.

- 2.6. Pada 27 Mac 2014 yang lalu, satu majlis pelancaran Earth Hour 2014 telah diadakan di Auditorium MPAJ. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pencemaran cahaya yang semakin serius dengan mematikan lampu selama satu jam pada 29 Mac 2014 pada pukul 8.30 malam sehingga 9.30 malam. Taklimat disampaikan oleh agensi Angkasa Negara sangat

berguna kepada kita secara khususnya berhubung pencemaran cahaya, dan pembaziran tenaga.

- 2.7. Kesenambungan daripada ini, penganjuran Earth Hour MPAJ Nigh Walk di Zoo Negara telah diadakan pada 29 Mac 2014 yang lepas. Penganjuran program ini adalah simbolik bersempena kempen Earth Hour dan ia adalah julung-julung kalinya dianjurkan di Ampang. Program ini telah disertai oleh masyarakat setempat, NGO dan juga badan-badan kerajaan serta swasta dalam memberi kesedaran mengenai kempen ini dan secara tidak langsung dapat mempromosikan Ampang Jaya sebagai satu tempat pelancongan sejajar dengan Tahun Melawat Malaysia 2014. Beliau mengucapkan terima kasih atas kehadiran YB. Dato' Teng Chang Kim Exco Kerajaan Negeri Selangor, YB Shaari Sungib, YB Khasim bin Abdul Aziz, YB Tiew Way Keng serta Ahli Majlis yang sama dapat hadir memeriahkan program tersebut, walaupun pada permulaannya hujan yang lebat. Terima kasih kepada pihak Zoo Negara yang menyediakan kemudahan dalam program tersebut.
- 2.8. Pada tahun 2014 ini, Majlis Perbandaran Ampang Jaya untuk kali keduanya menganjurkan pertandingan kejiranan terbaik. Penyertaan terbuka pada semua penduduk, rukun tetangga, dan badan pengurusan bersama (JMB) yang berada dibawah pentadbiran MPAJ. Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara masyarakat dan warga Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Program ini bertemakan '**KOMUNITI MAMPAN ASAS PEMBANGUNAN AMPANG JAYA**' dimana tempoh pelaksanaan bermula pada 1 Januari 2014 sehingga 28 November 2014. Semua

penyertaan perlu dikemukakan kepada Jabatan Belia dan Masyarakat sebelum 28 November 2014 jam 5.00 petang.

Hadiah yang ditawarkan berupa:

1. Johan - Piala pusingan YDP MPAJ
 - Piala
 - Silil Kepujian
 - Geran Pembangunan RM 5,000.00
 2. Naib Johan - Piala
 - Sijil Kepujian
 - Geran Pembangunan RM 4,000.00
 3. Ketiga - Piala
 - Sijil Kepujian
 - Geran Pembangunan RM 3,000.00
 4. 3 Anugerah Khas - Sijil Kepujian
 - Geran Pembangunan RM 1000.00
 5. 50% ke atas - Sijil Kepujian
 - RM 250.00
 6. Tidak Berjaya - Sijil Penyertaan
- 2.9. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat pertama pembukaan penggal kedua Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan ke-13 tahun 2014 akan bermula daripada 7 April 2014 sehingga 18

April 2014 di Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam. Jadual mesyuarat jawatankuasa akan diselaraskan dalam tempoh sidang DUN.

- 2.10. Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah mengeluarkan surat arahan kepada beliau memangku jawatan Yang DiPertua mulai 2 September 2013 sehingga jawatan Yang DiPertua diisi. Sehubungan itu, bagi menjalankan tugas-tugas Setiausaha Majlis, En. Johari bin Atli, Pegawai Undang-Undang diarah memangku jawatan Setiausaha berkuatkuasa pada 1 April 2014 sehingga satu tempoh yang akan ditentukan kemudian. Pemilihan beliau adalah berdasarkan beberapa kriteria iaitu tinggal dalam kawasan MPAJ, pernah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan dan Tatatertib serta ahli Mesyuarat Jawatankuasa Tender. Perlantikan ini telah dimaklumkan dan dipersetujui oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri. Mesyuarat Penuh Majlis telah ambil maklum atas pelantikan ini.

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 1/2014

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 1/2014 bertarikh 28 Februari 2014 disahkan dengan pindaan dan tambahan seperti di bawah. Minit mesyuarat dicadangkan disahkan oleh Tuan Azlan bin Maddin dan disokong oleh Tuan Ramli bin Md Said.

3.1. Keanggotaan Ahli Majlis Parti DAP dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis:

Bil	Ahli Majlis	Mesyuarat Jawatankuasa Majlis (sediaada)	Mesyuarat Jawatankuasa Majlis dengan pindaan / tambahan
1.	Tuan Lim Fong Len	<ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat J/K Pusat Setempat (OSC) - Mesyuarat J/K Infrastruktur dan Kemudahan Awam - Mesyuarat J/K Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin - Mesyuarat J/K Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan 	<ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat J/K Pusat Setempat (OSC) - Mesyuarat J/K Infrastruktur dan Kemudahan Awam - Mesyuarat J/K Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin
2.	Tuan Mohamad bin Samat (NGO)	<ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat J/K Infrastruktur dan Kemudahan Awam - Mesyuarat J/K Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan - Mesyuarat J/K Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin 	<ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat J/K Infrastruktur dan Kemudahan Awam - Mesyuarat J/K Pelesenan dan Pembangunan Usahawan - Mesyuarat J/K Kewangan dan Taksiran

3.	Tuan Supiramany a/l Sinnapayal (NGO)	<ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat J/K Infrastruktur dan Kemudahan Awam - Mesyuarat J/K Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan - Mesyuarat J/K Pelesenan dan Pembangunan Usahawan 	<p>Mesyuarat J/K Infrastruktur dan Kemudahan Awam</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat J/K Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan - Mesyuarat J/K Pelesenan dan Pembangunan Usahawan <p>- Mesyuarat J/K Pusat Setempat (OSC) (bersifat sementara bagi keanggotaan NGO)</p>
4.	Tuan Dr. Lai Fatt Sian	<p>Mesyuarat J/K Pelesenan dan Pembangunan Usahawan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat J/K Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan <p>- Mesyuarat J/K Kewangan dan Taksiran</p>	<p>Mesyuarat J/K Pelesenan dan Pembangunan Usahawan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat J/K Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan <p>- Mesyuarat J/K Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin</p>

4. PERKARA BERBANGKIT

Tiada

5. PEMBENTANGAN KERTAS

5.1. KERTAS CADANGAN PERSEMPADANAN ZON JAWATANKUASA PENDUDUK MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2014 menerima dan mengesahkan persempadanan Zon Jawatankuasa Penduduk, Majlis Perbandaran Ampang Jaya seperti senarai di **Lampiran 1**.

MAKLUMAN

6. PERTIMBANGAN LAPORAN

6.1. LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2014 bertarikh 31 Mac 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 1/2014 yang telah diadakan pada 10 Mac 2014 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Mohamad bin Samat dan disokong oleh Tuan Ahmad Sabri bin Abu Bakar.

Makluman

6.2. LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2014 bertarikh 31 Mac 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 1/2014 yang telah diadakan pada 14 Mac 2014 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Ramli bin Md Said dan disokong oleh Tuan Hj. Abdul Jalil bin Hasan.

Makluman

6.3. LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2014 bertarikh 31 Mac 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 1/2014 yang telah diadakan pada 17 Mac 2014 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Mohamad bin Samat dan disokong oleh Tuan Ramli bin Md Said.

Makluman

6.4. LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2014 bertarikh 31 Mac 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 2/2014 yang telah diadakan pada 19 Mac 2014 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Ramli bin Md Said dan disokong oleh Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis.

MAKLUMAN

6.5. LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2014 bertarikh 31 Mac 2014 meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 2/2014 yang telah diadakan pada 26 Mac 2014 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Mohamad bin Samat dan disokong oleh Tuan Ramli bin Md Said.

MAKLUMAN

6.6. LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2014 bertarikh 31 Mac 2014 telah mengambil maklum dan menerima laporan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 3/2014 dan bil. 4/2014 bertarikh 12 Mac 2014 dan 26 Mac 2014.

MAKLUMAN

7. UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR

Tuan Ahmad Sabri bin Abu Bakar mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2014.

Dalam ucapannya, beliau mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak terutamanya pihak kerajaan Pakatan

Rakyat kerana memberi mandat serta kepercayaan dan menerima beliau sebagai Ahli Majlis bagi penggal ke 2.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Majlis yang telah dilantik semula serta Ahli-Ahli Majlis baru kerana telah diberi kepercayaan dalam pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat di peringkat PBT. Sebagai Ahli Majlis yang dilantik, beliau berharap semua yang dilantik dapat menjalankan tanggungjawab serta amanah yang diberikan dengan penuh jujur dan berintegriti tinggi dan bersemangat serta muafakat Pakatan Rakyat harus dikekalkan.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa Negara kita dikejutkan dengan kehilangan penerbangan MH370 dan mengucapkan salam takziah kepada semua keluarga yang terlibat walaupun ianya masih dalam kesamaran akan "kehilangan" MH370. Beliau berharap semua yang ada memanjangkan doa atas kesejahteraan semoga dilindungi ALLAH swt.

Beliau seterusnya memetik kembali dalam ucapan penangguhan beliau pada bulan Ogos 2012, di mana beliau ada menekankan agar kerjasama penjawat-penjawat awam peringkat atasan serta pegawai-pegawai di MPAJ dapat dipupuk dan menjalinkan kerjasama dalam mewujudkan satu budaya kemuafakatan dan keharmonian dalam menjalankan tugas-tugas bersama Ahli Majlis.

Beliau membangkitkan semula perkara ini kerana masih terdapat penjawat-penjawat awam dan pegawai-pegawai tidak memberi komitmen segera dalam menyelesaikan satu-satu perkara yang mana ianya tidak dapat dijalankan dengan baik dan menjejaskan imej Kerajaan Pakatan Rakyat khususnya.

Dalam mewujudkan perhubungan yang baik antara Ahli Majlis dengan pihak pentadbiran MPAJ, beliau mencadangkan kepada pihak pentadbiran agar dapat mengatur satu lawatan Ahli-Ahli Majlis ke semua jabatan dalam sesi suai kenal Ahli-Ahli Majlis dengan penjawat-penjawat awam di Jabatan-Jabatan berkaitan.

Beliau menegaskan dalam mengorak langkah sebagai sebuah kerajaan Pakatan Rakyat, PBT sebagai pemangkin kepada kecemerlangan sesebuah kerajaan di mana kegagalan PBT meningkatkan kecemerlangan akan menyebabkan ketempangan pentadbiran kerajaan.

Perancangan pembangunan pentadbiran MPAJ harus diberi penekanan dalam menongkah arus permodenan negeri, pelan perancangan yang strategik harus dilaksanakan oleh MPAJ dalam memenuhi keperluan semasa dan permintaan terhadap penyediaan perkhidmatan yang cemerlang. Beliau yakin MPAJ seperti Pihak Berkuasa Tempatan yang lain turut memiliki zon-zon yang telah diwartakan sebagai zon komersial, zon sejarah, zon pelancongan, zon industri dan zon perumahan.

Beliau menyeru agar semua kakitangan MPAJ meningkatkan mutu perkhidmatan dari peringkat kaunter perkhidmatan hinggalah ke peringkat pegawai dan jurutera bertugas di lapangan. Ini bagi menyelesaikan segala kesulitan, aduan dan penyelesaian dapat dibuat dalam tempuh-tempuh tertentu.

Beliau tidak mahu pembayar cukai melihat imej Kerajaan Negeri khususnya dan Majlis amnya dilihat tidak peka dan tidak ada 'urgency'. Jadi atas usaha itulah, perlu tetapkan semangat serta iltizam dalam diri

penjawat awam termasuk Ahli Majlis untuk menjadikan MPAJ terus cemerlang di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat. Ahli Majlis bukannya `title' untuk hidup sebagai VIP, namun Ahli Majlis adalah sebagai tempat rakyat mengadu masalah dan kita perlu menyalurkan sumbangan bakti untuk menyelesaikan permasalahan ini secara total dan konklusif.

Beliau akhiri ucapan beliau dengan serangkap pantun untuk renungan bersama :

*Kalau ada sumur di ladang
Boleh kita menumpang mandi
Kalau ada terlepas pandang
Jangan disimpan di dalam hati*

8. PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada 12.35 tengahari.

Disediakan oleh:-

Urusetia Mesyuarat

Bahagian Urusetia

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Minit Mesyuarat telah disyorkan untuk disahkan oleh

.....dan disokong oleh

(HAJI ABD. HAMID BIN HUSSAIN)

Pengerusi Mesyuarat

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Bahagian Urusetia

Jabatan Khidmat Pengurusan

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

MPM BIL. 2/2014-31.3.2014.

LAMPIRAN 1

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS/KETUA ZON JKP DAN PENERUSI PeBT
MENGIKUT ZON DAN KAWASAN
BAGI SESI 2014/2015**

DUN	ZON	SENARAI TAMAN	AHLI MAJLIS/ Ketua zon JKP	PENERUSI Pengerak Belia Tempatan (PeBT)	PEGAWAI MAJLIS (LO)
HULU KELANG	1	<ul style="list-style-type: none"> - TAMAN MELAWATI - KG KLANG GATES - TAMAN TROPIKA MELAWATI - TAMAN SUNWAY PUNCAK MELAWATI - TAMAN PRIMA MELAWATI - TAMAN NADAYU - TAMAN BUKIT MELAWATI 	TUAN AZLAN BIN MADDIN 550809-04-5219 012-3775981	AMIRUL GHAZALI 831013-14-6429 019-3027676	PN. NOOR FARAHANA BT ROSELAN BAHAGIAN AUDIT DALAM 03-42978122 / 012-2426182

<p>HULU KELANG</p>	<p>2</p>	<ul style="list-style-type: none"> - TAMAN TIARA KEMENSAH - TAMAN UKAY PRIMA - TAMAN MELATI INDAH - TAMAN PESONA VILLA - TAMAN BUKIT KEMENSAH - TAMAN AR RIDHUAN - TAMAN ZOOVIEW - TAMAN UKAY BESTARI - TAMAN ULU KELANG - KG PASIR - KG KEMENSAH - TAMAN DESA HARAS - TAMAN KEMENSAH HEIGHT - TAMAN TROPIKA KEMENSAH - TAMAN VILLA KEMENSAH - TAMAN KONTUR KEMENSAH - TAMAN PUNCAK KAYANGAN KEMENSAH - TAMAN TIARA KEMENSAH RIMBA - TAMAN BUKIT PALMA 	<p>TUAN AZLAN BIN MADDIN (MEMANGKU) 550809-04-5219 012-3775981</p>	<p>MOHAMAD HAZIQ BIN HAMZAH 940816-08-5853 019-2676625</p>	<p>PN. NOOR FARZLINDA BT MOHD DAUD JAB PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA 03-42801393 / 013-2082758</p>
---------------------------	----------	---	--	--	---

		<p>KEMENSAH</p> <ul style="list-style-type: none"> - TAMAN HEVEA KEMENSAH - TAMAN KEMENSAH MEWAH - TAMAN BAYU KEMENSAH - TAMAN KEMENSAH INDAH - TAMAN NUSA TROPIKA - TAMAN UKAY TROPIKA - TAMAN UKAY SERAYA 			
HULU KELANG	3	<ul style="list-style-type: none"> - TAMAN LEMBAH KERAMAT (AU5) - TAMAN SRI KERAMAT TENGAH (AU4) - TAMAN DESA KERAMAT (AU3) - TAMAN SRI KERAMAN (AU2) - TAMAN KERAMAT PERMAI (AU1) - TAMAN DATO' KERAMAT Hujung - TAMAN BUKIT BARU - TAMAN SEPAKAT - KG WARISAN - TAMAN 	<p>PN. HJH WAN HASRINA BT WAN HASAN (MEMANGKU) 650105-03-5424 013-3423942</p>	<p>ILHAM BIN ZAINUDDIN 790217-14-6385 013-3923782</p>	<p>EN. YUSOF BIN ATAN JAB PERKHIDMATAN BANDAR & KESIHATAN 03-42966145 / 019-2717115</p>

		<p>JELATIK PARK</p> <ul style="list-style-type: none"> - KG KUALA AMPANG - TAMAN DESA PENDIDIK - TAMAN PERMATA 			
HULU KELANG	4	<ul style="list-style-type: none"> - TAMAN UKAY PERDANA - KG SUNGAI SERING - TTAMAN SERING UKAY - TAMAN SIERRA UKAY - TAMAN TIJANI UKAY - TAMAN RIANA UKAY - TAMAN UKAY INDAH - TAMAN UKAY SPRING 	<p>PN. HJH WAN HASRINA BT WAN HASAN 650105-03-5424 013-3423942</p>	<p>MUTHANNA BIN SHAARI 830917-10-5131 019-2676625</p>	<p>DR.UMI KALSOM BT MD ARIFFIN JAB PERKHIDMATAN BANDAR & KESIHATAN 03-42807109 / 019-3535995</p>
BUKIT ANTARABANGSA	5	<ul style="list-style-type: none"> - TAMAN KELAB UKAY - TAMAN RIVERDALE PARK - TAMAN WANGSA UKAY - TAMAN BUKIT MULIA - TAMAN BUKIT MEWAH - TAMAN BUKIT JAYA - TAMAN BUKIT ANTARABANGSA - TAMAN BUKIT UTAMA - TAMAN ANDAMAN UKAY - TAMAN 	<p>TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR 640123-11-5015 013-3399303</p>	<p>TOONG FOO HONG 920124-14-5047 010-2217405</p>	<p>EN. ISMAIL BIN TALIB JAB PERKHIDMATAN BANDAR & KESIHATAN 03-42971251 / 019-2601323</p>

		PUNCAK BUKIT UTAMA - TAMAN SIARAH OAKLEAF - TAMAN BUKIT ALAM UKAY			
BUKIT ANTARABANGSA	6	- TAMAN BAVERLY HIEGHT - TAMAN VILLA SRI UKAY - TAMAN SRI UKAY - TAMAN HIGHLANDS - TAMAN UKAY HEIGHT - TAMAN DATARAN UKAY - TAMAN HIJAU - TAMAN SHUET LEANG - TAMAN EMAS UKAY - TAMAN HILLVIEW - DATARAN HILLVIEW - TAMAN BUKIT JOBINA - TAMAN MEDAN DAMAI UKAY - TAMAN PINGGIRAN UKAY - HOSPITAL AMPANG PUTERI, DESA 288, - AMPANG POINT, KONDO KOJAYA	PN.YOGAYSWARI A/P RAMALU 561224-10-5574 012-2010502	SHEIKH MOHD HAFIZ BIN SHEIKH MOHSIN 790911-01-6791 012-2752006	PN. SITI MARIAM BT ABDULLAH JAB PERKHIDMATAN BANDAR & KESIHATAN 03-42968159 / 019-3414099
BUKIT	7	- KG DATO'	TUAN AHMAD	MOHAMAD	PN. AZFALINDA

ANTARABANGSA		KERAMAT TAMBAHAN - KG BEREMBANG /BEREMBAN G INDAH - (HOTEL FLAMINGGO) - TAMAN KERAMAT PERMAI (AU1)	SABRI BIN ABU BAKAR (MEMANGKU) 640123-11-5015 013-3399303	FIRDAUS BIN AB BAHARI 820609-14-5845 017-3650030	BT MOHD AMIN JAB PERKHIDMATAN BANDAR & KESIHATAN 03-42807252 / 019-3982723
BUKIT ANTARABANGSA	8	- TAMAN PUTRA SULAIMAN - TAMAN AMPANG UTAMA - TAMAN AMPANG HILIR - TAMAN NIRWANA FASA 2 - TAMAN DAGANG - TAMAN D'SURIA AMPANG	TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS (MEMANGKU) 730925-10-5643 016-6182113	NEOH ENG KEAT 880614-07-5137 016-6501152	PN. MAZLIFAH BT MD YUSOF JAB PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA 03-42802709 / 019-2644377
BUKIT ANTARABANGSA	9	- TAMAN DATO' AHMAD RAZALI - TAMAN AMPANG JAYA - TAMAN PERWIRA - TAMAN UDA JAYA - TAMAN AMPANG PRIMA - KG MELAYU AMPANG - KG MELAYU AMPANG SRI	PN.YOGAYSWARI A/P RAMALU (MEMANGKU) 561224-10-5574 012-2010502)	SHEIKH FAIZAL BIN SHEIKH MOHSIN 830225-01-6189 012-7870201	PN. ROSMANIZA BT IBRAHIM JAB PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA 03-42806842 / 019-2710663

		TANJUNG - KG MELAYU AMPANG TAMBAHAN			
LEMBAH JAYA	10	- TAMAN TUN ABDUL RAZAK - TAMAN RASMI JAYA - TAMAN TTDI - TAMAN AMPANG INDAH - TAMAN BUKIT INDAH	TUAN HO AH NGOH @ HO TZE LONG (MEMANGKU) 531112-01-6131 012-6561889 03-92826612	ZULKIFLI BIN SAINAWI 830722-10-5609 016-6301660	EN. MOHD NAIJB BIN SARIF JAB PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA 03-42802664 / 012-8556608
LEMBAH JAYA	11	- TAMAN KOSAS - AMPANG WATERFRONT - KG TENGAH - TAMAN SRI AMPANG - TAMAN HALAMAN - TAMAN SRI WATAN - TAMAN BUKIT AMPANG - TAMAN KESUMA	TUAN RAMLI BIN MD SAID 520318-04-5479 019-3186746	MOHD AZWAN BIN ZAINUDDIN 840203-03-5177 013-2159292	PN. SITI AISHAH BT SALIM JAB UNDANG- UNDANG 03-42805626 / 010-2316264
LEMBAH JAYA	12	- TAMAN DAGANG JAYA - TAMAN MULIA JAYA - TAMAN	PN. SHARIFAH HASLIZAH BT SYED ARIFFIN 770928-04-5400 013-2700509	LIM VOON PINK 910829-14-6852 016-9129831	EN. KAMARUL NIZAM BIN A. GHANI JAB PERANCANG BANDAR 03-

		AMPANG SAUJANA - KG LEMBAH JAYA UTARA - KG LEMBAH JAYA SELATAN - KG PINGGIR - KG BUKIT SG SEPUTIH - KG MUHIBBAH - TAMAN DESA LEMBAH PERMAI - TAMAN DAGANG PERMAI - TAMAN INDUSTRI LEMBAH JAYA - TAMAN SRI INTAN			42808408/019-3487193
LEMBAH JAYA	13	- TAMAN TASEK TAMBAHAN - TAMAN SRI BAYU - TAMAN PERMAI JAYA - TAMAN INDAH JAYA - TAMAN BUKIT AMPANG PERMAI - KG TASEK PERMAI - TAMAN FAIRUZA - KAMPUNG AMPANG INDAH PERMAI	PN. SHARIFAH HASLIZAH BT SYED ARIFFIN (MEMANGKU) 770928-04-5400 013-2700509	HISHAM BIN ROSLAN 860624-49-5205 019-2702852	EN. AZLI BIN OTHMAN JAB PERANCANG BANDAR 03-42971353 / 019-2710831
LEMBAH JAYA	14	- BANDAR BARU	TUAN RAMLI BIN	KRISHNA KUMAR	IR ZAFRUL FAZRY

		AMPANG - TAMAN AMPANG MEWAH - TAMAN PANDAN RIA, II, III - PEKAN AMPANG - TAMAN INDUSTRI MERDEKA RIA - TAMAN MERDEKA VILLA - TAMAN PANDAN MESRA - TAMAN SRI MERDEKA - KG AMPANG CAMPURAN - KG BARU AMPANG CINA	MD SAID (MEMANGKU) 520318-04-5479 019-3186746	A/L G THANGARAJU 830628-14-6017 016-2959476	BIN MOHD FAUZI JAB KEJURUTERAAN 03-42968035 / 019-6641188
CEMPAKA	15	- TAMAN NIRWANA FASA 1 - TAMAN DAGANG - TAMAN CEMPAKA - TAMAN PANDAN UTAMA - KG PANDAN DALAM - AXIS PANDAN	TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS 730925-10-5643 016-6182113	MEOR MOHD SAFWAN BIN MEOR RITHUAN 821228-10-5481 012-3401036	EN. KHAIRULNIZAM BIN KHAMIS JABATAN KEJURUTERAAN 03- 42961492/019- 2722032
CEMPAKA	16	- TAMAN ANGSANA HILIR - TAMAN DATARAN PANDAN PRIMA - TAMAN	TUAN HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID 521212-03-5031 012-2832530	ISMAT NAZIRIN BIN MAT ISA 821216-08-504- 012-2581071	EN. ZAHARI BIN MD NOOR JAB KEJURUTERAAN 03- 42964401/019- 3143083

		PANDAN JAYA - KG PERWIRA JAYA - KG PANDAN LUAR - TAMAN BAKTI			
CEMPAKA	17	- TAMAN CAHAYA INDAH - PANDAN INDAH INDUSTRIAL PARK - KG BARU AMPANG TAMBAHAN - TAMAN PANDAN CAHAYA - TAMAN CAHAYA - KAMPUNG BARU AMPANG	TUAN HO AH NGOH @ HO TZE LONG 531112-01-6131 012-6561889 03-92826612	MOHD MIZAN ADLI BIN MOHD NOOR 831003-14-5019 013-9999390	EN. KHAIRUL ANIZAM BIN CHE AZMAN JAB BANGUNAN & SENIBINA 03-42968590/019-2329813
CEMPAKA	18	- TAMAN LEMBAH MAJU - TAMAN PANDAN MEWAH - TAMAN PANDAN INDAH BUSINESS PARK - TAMAN MUDA	TUAN DR. LAI FATT SIAN 560628-04-5163 012-6597437	MOHD IRMAN BIN ABDUL WAHAB 810525-14-6139 019-2262241	EN. KHAIRUDIN BIN MUHAMED JAB KEJURUTERAAN 03-42968912/017-9886873
CEMPAKA	19	- TAMAN PANDAN INDAH - TAMAN KENCANA - TAMAN MAJU JAYA	TUAN ABDUL JALIL BIN HASAN 550327-01-5607 016-2750029	SAIFUL AHMAD BIN ZAINAL 850217-14-5405 013-3923782	PN. FARHANA BT HJ OSMAN JAB PERBENDAHRAAN 03-42968077/013-3620659

TERATAI	20	<ul style="list-style-type: none"> - TAMAN MAJU JAYA - TAMAN CHERAS INDAH - TAMAN PANDAN PERDANA - TAMAN PANDAN INDAH - TAMAN KENCAN FASA 2 	TUAN MOHAMAD BIN SAMOT@SAMAT (MEMANGKU) 730224-01-8505 012-2781171	LIM ZHEN YI 850910-14-6377 016-8268836	EN. GHAZALI BIN ABD. WAHAB JAB PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN 03-42968007/012-2951658
TERATAI	21	<ul style="list-style-type: none"> - TAMAN PINGGIRAN CHERAS - TAMAN MASTIKA - TAMAN BUKIT PERMAI - TAMAN BUKIT PERMAI INDUSTRI - KG CHERAS BARU - TAMAN KENCANA - TAMAN BUKIT PANDAN - TAMAN BUKIT PANDAN BESTARI 	TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL 490430-10-5297 017-6278728	HO WAI KONG 790413-14-5531 012-3889441	EN. RADMIL AZLIE BIN RIDZWAN JAB KEJURUTERAAN 03-42965887/012-3062774
TERATAI	22	<ul style="list-style-type: none"> - TAMAN MUDA - TAMAN MAWAR - TAMAN PUTRA - TAMAN SERAYA 	TUAN LIM FONG LEN 620418-05-5269 012-3223018	KOO JENG TONG 870718-11-5595 016-2185735	PN. MURSHIDAH BT MOHD NOR JAB PERANCANGAN KORPORAT 03-42968113/013-2106944

TERATAI	23	<ul style="list-style-type: none"> - TAMAN MEGA JAYA - TAMAN BUKIT PERMAI 2 - TAMAN BUKIT TERATAI - TAMAN SAGA - TAMAN MELOR - TAMAN SERAYA 	TUAN MOHAMAD BIN SAMOT@SAMAT 730224-01-8505 012-2781171	SHEIKHUL AL AZIZ BIN BASERI 931231-10-5949 017-2874392	EN. MOHD ARIF BIN JA'AFAR JAB PERANCANGAN KORPORAT 03-42968130/012-3712981
TERATAI	24	<ul style="list-style-type: none"> - TAMAN BUKIT SEGAR JAYA - TAMAN BUKIT SEGAR - TAMAN CHERAS HARTAMAS 	PN. SIAN KENG ENG 591213-10-5592 012-2881387	LIM YONG HUI 790620-14-5227 012-2597735	EN. SHAHROM BIN MUSA JAB BELIA & MASYARAKAT 03-42968033/013-2040374

DIKEMASKINI PADA 14 MAC 2014

4.1.
MAKLUMAN SENARAI NAMA AHLI-AHLI JAWATANKUASA
AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT
DI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BAGI
SESI 2014 - 2015

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL 3/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**MAKLUMAN SENARAI NAMA AHLI-AHLI JAWATANKUASA AUDIT DAN
PENGURUSAN KORPORAT DI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAGI SESI 2014 - 2015**

BAHAGIAN AUDIT DALAM

1.0 TUJUAN

Kertas ini dikemukakan kepada Ahli Mesyuarat Penuh Bil 3/2014 Majlis Perbandaran Ampang Jaya bertujuan memaklumkan cadangan nama ahli-ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat di MPAJ bagi sesi 2014 – 2015 selaras dengan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT Bil 2/2009 bertarikh 20 Februari 2009.

2.0 MAKLUMAN

2.1 FUNGSI PENUBUHAN

2.1.1 Penubuhan jawatankuasa ini adalah bertujuan untuk memastikan wujudnya unsur “ **check and balance**” dalam pengurusan kewangan dan pengurusan korporat PBT. Jawatankuasa ini juga akan memastikan segala penemuan dan teguran laporan Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar diambil tindakan susulan dan penambahbaikan bagi memastikan pengurusan kewangan dan korporat Majlis diuruskan dengan cekap dan berkesan.

2.1.2 Penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk melaksanakan fungsi-fungsi seperti berikut:

- a. Mengkaji keperluan Bahagian Audit Dalam (AD) dan piagamnya;
- b. Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem kawalan dalaman Majlis;
- c. Menimbang dan meluluskan perancangan tahunan aktiviti AD dan penyelarasan antara audit dalaman dan luar.
- d. Mengkaji dan memperakukan laporan audit Juruaudit Dalam untuk tindakan susulan Majlis;
- e. Memberikan nasihat kepada Ahli Majlis berhubung dengan penyata kewangan dan laporan kewangan yang dikeluarkan Majlis;
- f. Melapor ketidakpatuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Majlis; dan
- g. Melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai kakitangan yang didapati melakukan sebarang penyelewengan untuk tindakan selanjutnya.

2.2 Senarai Nama Ahli Jawatankuasa

2.2.1 Senarai nama lima (5) Ahli-Ahli Majlis MPAJ bukan eksekutif yang dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat MPAJ adalah seperti berikut:

- a. Tn. Hj. Abdul Jalil bin Hassan (Pengerusi)
- b. Tn. Azlan bin Maddin
- c. Tn. Dr. Lai Fatt Sian
- d. Pn. Yogayswari a/p Ramalu
- e. Tn. Supiramany a/l Sinnapayal

2.2.2 Bahagian Audit Dalam akan bertindak sebagai Urusetia kepada Jawatankuasa tersebut.

2.2.3 Mana-mana Ahli Majlis yang menganggotai **Jawatankuasa Kewangan / Jawatankuasa Sebutharga / Jawatankuasa Tender tidak boleh** menganggotai Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat dan juga pada keadaan sebaliknya. (Garis Panduan Tatacara Ahli Majlis, Pekelliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Sekyen PBT) PBT: SPBT Bilangan 6/2010)

2.3 MESYUARAT

2.3.1 **Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun.**

2.3.2 Mesyuarat hendaklah diminitkan dan **dimaklumkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis setiap suku tahun setelah mendapat persetujuan Yang Di Pertua Majlis.**

2.3.3 Korum mesyuarat ialah **sekurang-kurang tiga (3) orang ahli jawatankuasa.**

3.0 PENUTUP

Kertas makluman senarai nama ahli-ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat MPAJ bagi sesi 2014 - 2015 ini dikemukakan untuk makluman Ahli Mesyuarat Penuh Majlis.

Disediakan oleh :

Disahkan oleh:

NOOR FARAHANA BT. ROSELAN
Juruaudit
Bhg Audit Dalam
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
9 April 2014

MOHD FAZRIN BIN RAHMAN
Ketua Bahagian
Bahagian Audit Dalam
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
9 April 2014

5.1.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN,
PENGURUSAN BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN
BIL.2/2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN
BIL.2/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 18 APRIL 2014

MASA : 3.00 PETANG – 5.20 PETANG

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | '' |
| 4. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | '' |
| 5. | Tn. Lim Fong Len | - | '' |
| 6. | Tn. Yogayswari a/p Ramalu | - | '' |
| 7. | Tn. Ramli Bin Md. Said | - | '' |
| 8. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | '' |
| 9. | Pn. Sharifah Haslizah Binti Syed Ariffin | - | '' |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.3/2014**

**LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN
DAN BINAAN TANPA IZIN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.2/2014 telah diadakan pada 18 April 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 BINAAN RUMAH TANPA KEBENARAN MAJLIS DI JALAN A KG PANDAN (NO.68, JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN BERHADAPAN KLINIK KESIHATAN DAN PERGIGIAN)

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah mengeluarkan surat arahan kepada pemilik untuk kemukakan permohonan pelan bangunan pada 31 Mac 2014 tetapi belum ada maklumbalas. Sehubungan itu, pihak Jabatan diminta membuat tindakan susulan dan tindakan penguatkuasaan supaya pemilik mengemukakan permohonan pelan bangunan.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.2 BINAAN TANPA KEBENARAN DI BAWAH REZAB TALIAN RENTIS TNB DARI KG PANDAN KE KG TASEK PERMAI

3

Mesyuarat dimaklumkan, pihak TNB telah menyerahkan cek pampasan kepada penduduk pada 6 April 2014 melibatkan 66 premis. Tindakan perobohan akan dilaksanakan oleh pihak TNB pada 24 April 2014.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

2.3 AKTIVITI PERNIAGAAN DI KG PANDAN DALAM DAN GERAI HARAM DI JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, isu ini melibatkan perancangan jangka panjang dan perbincangan di peringkat jabatan perlu diteruskan untuk mencari penyelesaian yang melibatkan aktiviti di rezab jalan. Laporan akan dibentangkan selepas perbincangan selesai.

Makluman

2.4 TAPAK KEDIAMAN DIJADIKAN TEMPAT MENJUAL KERETA TERPAKAI DI LORONG JALAN F KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, kes telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya (TPR) untuk mendapatkan izin pendakwaan. Walau bagaimanapun, izin pendakwaan masih belum diperolehi.

Tindakan:

Jabatan Undang-Undang

2.5 TAMBAKAN TANAH HARAM DI CERUN JALAN WANGSA 5A

Mesyuarat dimaklumkan, izin pendakwaan telah diterima dan kes telah didaftarkan di Mahkamah. Tarikh sebutan pertama adalah pada 24 April 2014.

Tindakan:

Jabatan Undang-Undang

2.6 PEMBINAAN DI CERUN DI LOT 153, LORONG 8, KG TASIK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan, semakan jabatan mendapati tembok penahan 'RC Retaining Wall' telah siap dibina di tapak. Jabatan akan membuat tindakan susulan supaya pemilik mengemukakan permohonan satu surat Aku Janji pembinaan tembok tersebut.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.7 GERAJ TOMYAM DAN GERAJ BURGER DI BAHU JALAN F KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan perobohan pada gerai burger tersebut telah dilaksanakan dan jabatan juga telah mengeluarkan notis ke atas struktur gerai tomyam tersebut. Mesyuarat bersetuju untuk mengeluarkan kompaun kepada gerai tomyam tersebut atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen. Mohon tindakan susulan daripada Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat kerana gerai tersebut beroperasi atas tanah kerajaan.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina/

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan/

Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat

2.8 ISU PENEROKAAN DAN PENAMBAKKAN KAWASAN LAPANG DI JALAN 2/1 DAN 2/1B TASEK TAMBAHAN

Mesyuarat dimaklumkan, surat berhubung isu penerokaan dan penambakan kawasan lapang di Jalan 2/1 dan 2/1B Tasek Tambahan telah dimaklumkan kepada Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat telah dihantar pada 1 April 2014. Aktiviti yang berada di tapak adalah bengkel dan stor. Kawasan lapang tersebut belum diwartakan. Mesyuarat memutuskan supaya Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Belia & Masyarakat dan Jabatan Kejuruteraan membuat kajian semula untuk membangunkan kawasan tersebut dan perkara ini diselaraskan oleh Jabatan Perancang Bandar.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

2.9 STATUS BINAAN DI ATAS LOT-LOT PERSENDIRIAN DI JALAN MERDEKA (KAWASAN PERUMAHAN BARU DI SEBELAH SEK.MEN. BANDAR BARU AMPANG)

Mesyuarat dimaklumkan, bagi Lot 532, OKS telah mengaku salah dan dikenakan denda sebanyak RM2,000.00. Bagi Lot 531 dan Lot 533, pihak jabatan akan mengeluarkan notis roboh ke atas semua struktur di tapak.

Tindakan :

Jabatan Bangunan dan Senibina

2.10 RUMAH NO. 2, JALAN 9, TAMAN PUTRA DIJADIKAN STOR

Mesyuarat dimaklumkan, Izin Pendakwaan (IP) telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk izin pendakwaan.

Tindakan :
Jabatan Undang-undang

2.11 STATUS STRUKTUR TELEKOMUNIKASI DI SEBAHAGIAN JALAN WAWASAN 3, BANDAR BARU AMPANG

Mesyuarat dimaklumkan, surat tawaran daripada Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta diterima pada 6 Januari 2014. Pihak Maxis dalam proses penyediaan untuk kemukakan permohonan kepada jabatan.

Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina

2.12 5 KELUARGA MYANMAR DI KAWASAN BINAAN TANPA IZIN DI BAWAH RINTISAN TNB DI PANDAN JAYA UTARA

Mesyuarat dimaklumkan, lokasi tersebut termasuk dalam jajaran TNB. Tindakan susulan akan dibuat bersama pihak TNB.

Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar

2.13 AKTIVITI KILANG HARAM DI JALAN TERATAI 1/9B, TAMAN BUKIT TERATAI

Mesyuarat dimaklumkan, lawatan tapak bersama Ahli Majlis kawasan dan jabatan teknikal MPAJ telah diadakan pada 27 Mac 2014 dan wakil Pejabat Tanah Hulu Langat tidak hadir. Perbincangan bersama Pejabat Tanah Hulu Langat akan diadakan pada 21 April 2014 untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar/ Pejabat Tanah Hulu Langat

2.14 KEPERLUAN TEMPAT LETAK KERETA DAN LANDSKAP DI KAWASAN MEDAN IKS, JALAN TERATAI 1/16, TAMAN BUKIT TERATAI

Mesyuarat dimaklumkan, hasil lawatan tapak pada 27 Mac 2014 bersama Ahli Majlis kawasan, wakil JKP Zon 23 dan jabatan teknikal MPAJ berkaitan terdapat sebuah struktur gerai makanan di atas tapak yang dicadangkan sebagai tempat letak kereta dan landskap. Perbincangan bersama Pejabat Tanah Hulu Langat akan diadakan pada 21 April 2014 untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar/ Pejabat Tanah Hulu Langat

2.15 GANTIAN SURAU BARU DI LORONG PANDAN TAMBAHAN 1 YANG DIROBOHKAN UNTUK PROJEK SRI PINANG VILLA

Mesyuarat dimaklumkan, lawatan tapak pernah diadakan pada 30 Mac 2012 bersama YB Tuan Iskandar b Abd Samad. Wakil jabatan teknikal telah mengadakan perbincangan dengan pemilik tanah Tetuan Sri Seltra Sdn. Bhd. Pemilik tanah telah bersetuju untuk menyerahkan tanah di atas Lot PT 30468 seluas 7083kp. Walau bagaimanapun, keputusan masih dalam perbincangan.

Ahli Majlis kawasan memaklumkan tapak yang dicadangkan untuk membina surau baru adalah di atas tapak rezab JAIS di hadapan projek tersebut dan pihak pemaju diminta membina surau tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

2.16 GERAI MAKAN DI DALAM KAWASAN FLAT SERI DAGANG, TAMAN DAGANG (SEBELAH DEWAN ORANG RAMAI)

Mesyuarat dimaklumkan, terdapat 11 peniaga di tapak iaitu 9 gerai makanan dan 2 gerai runcit. Isu ini masih dalam perbincangan bersama dengan YB kawasan. Isu utama gerai tersebut adalah status tanah samada dibenarkan pewujudan gerai di kawasan tersebut secara sah kerana status tanah adalah kawasan lapang.

Terdapat juga gerai-gerai baru di tapak dan Mesyuarat memutuskan gerai-gerai baru tersebut diambil tindakan roboh dengan segera.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan/

Jabatan Penguatkuasa**2.17 AKTIVITI DI 'FLYOVER' KG PANDAN**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan Penguatkuasa telah mengambil tindakan ke atas aktiviti cuci kereta pada 31 Mac 2014. Satu sesi dialog telah diadakan bersama YB Tuan Iskandar bin Abd Samad, penjaja terlibat, penduduk, MPAJ dan Ahli Majlis kawasan telah diadakan pada 4 April 2014 di Masjid Nurul Hidayah, Kg. Pandan Dalam dan masih belum ada keputusan.

Bagi menyelesaikan masalah penjaja di bawah `flyover' tersebut, mesyuarat bersetuju penjaja-penjaja tersebut ditawarkan ke Medan Selera di Angsana Hilir.

Tindakan :

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

2.18 PREMIS MEMPROSES AIS DI L9, L10 PANDAN JAYA MENGGUNAKAN PETAK LETAK KERETA

Mesyuarat dimaklumkan, semakan jabatan mendapati tiada aktiviti memproses ais dan jabatan telah mengeluarkan notis meroboh bagi struktur tersebut.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.19 GARAJ KERETA HARAM BERTUTUP DI KG KEMENSAH YANG MENGGANGGU PANDANGAN PENGGUNA JALAN RAYA

Mesyuarat dimaklumkan, operasi roboh telah ditangguhkan pada 10 April 2014 disebabkan terdapat rayuan dan jabatan telah menyemak tanah tersebut adalah rezab jalan. Pihak jabatan akan menjalankan operasi perobohan.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.20 UBAHSUAI DALAMAN DI KETAPANG VILLA, TAMAN NIRWANA

Mesyuarat dimaklumkan, semakan Jabatan Bangunan & Senibina mendapati Pemaju Sri Seltra telah membuat ubahsuai tersebut bagi menampung penyelenggaraan bangunan tersebut. Pihak jabatan akan mengemukakan kompaun di bawah Seksyen 79 kepada pemilik tersebut.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.21 SEMAKAN STATUS TANAH LAPANG DI JALAN CEMPAKA 10, TAMAN CEMPAKA

Mesyuarat dimaklumkan, hasil semakan, mendapati lokasi tersebut digunakan untuk meletakkan lori-lori sampah dan bengkel. Pihak Jabatan Perancang Bandar diminta untuk menyemak status tanah tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar**2.22 PEMBINAAN BANGSAL DI TANAH KOSONG DI PERSIMPANGAN JALAN WANGSA 1 / JALAN WANGSA 9**

Mesyuarat dimaklumkan, tanah tersebut telah mempunyai hakmilik dan terdapat tanaman buah-buahan di tanah tersebut. Ahli Majlis kawasan mohon pihak jabatan merobohkan bangsal yang terdapat di kawasan tersebut.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.23 KERETA BURUK DI LORONG 8/1, KG AMPANG INDAH BERHADAPAN SURAU AN-NUR

Mesyuarat dimaklumkan, pemantauan semula yang dijalankan pada 10 April 2014 mendapati kereta buruk tersebut telah dialihkan oleh pemilik.

Makluman

2.24 STATUS PEMBINAAN BANGUNAN DI PERSIMPANGAN ANTARA JALAN INDAH 1 DAN JALAN INDAH 8, KG AMPANG INDAH

Mesyuarat dimaklumkan, Jabatan Bangunan dan Senibina telah mengeluarkan notis dan kompaun kepada pemilik lot ke atas kerja-kerja tanpa kelulusan . Isu ini telah dipanjangkan ke Jabatan Kejuruteraan kerana melibatkan kerja-kerja tanah.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

2.25 STATUS GERAJ-GERAI DI BELAKANG AMPANG POINT (HADAPAN RHB BANK)

Mesyuarat dimaklumkan, konsep asal penjaja tersebut adalah menjaja dengan lori Kompleks Muhibbah. Walau bagaimanapun, penjaja-penjaja tersebut tidak mengamalkan konsep asal menjaja di situ yang menyebabkan kawasan menjadi kotor dan tidak terurus.

Mesyuarat bersetuju untuk 'upgrade' gerai tersebut tertakluk status tanah dan pemilikan.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.0 HAL-HAL LAIN

3.1. STATUS RUMAH TERBENGKALAI 'SUPERHOMES' DI JALAN WANGSA 9 DAN PENGHUJUNG JALAN WANGSA 11

Status rumah terbengkalai 'Superhomes' di Jalan Wangsa 9 dan penghujung Jalan Wangsa 11, samada rumah tersebut akan dirobohkan atau sebaliknya.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

3.2. PERMOHONAN MEMBINA GERAJ UPEN DI JALAN WANGSA 2 DAN JALAN WANGSA 4

Memohon Majlis membina 8 hingga 10 unit gerai UPEN di Jalan Wangsa 4 termasuk 2 unit dipersimpangan Jalan Wangsa 2 / Jalan Wangsa 4 bertujuan untuk mengelakkan pertumbuhan penjaja

haram baru dan memberi gerai tersebut kepada penjaja sedia ada. Di samping itu dapat mengindahkan kawasan Bandar Bukit Antarabangsa.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.3. STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI DI RUMAH PANGSA TAMAN BAKTI

Aduan daripada Persatuan Penduduk Rumah Pangsa Taman Bakti tentang status pembinaan Dewan Orang Ramai dan sumbangan perkahwinan daripada pihak Pemaju Reliable Capacity Sdn. Bhd. (RK Group). Pemaju berjanji dengan penduduk sekiranya ada majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, sumbangan akan diberi sebanyak RM1,000.00.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

3.4. STATUS GERAI KIOSK MARA DI JALAN CEMPAKA 8, TAMAN CEMPAKA

Aduan daripada penduduk setempat berhubung status gerai kiosk MARA di Jalan Cempaka 8, Taman Cempaka yang kelihatan kotor dan bersemak. Mohon Majlis membuat penambahbaikan ke atas gerai tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.5. STATUS 'LAND TITLE' BAGI KAWASAN PERUMAHAN DI TAMAN ANGSANA HILIR

Status terkini 'land title' bagi kawasan perumahan Taman Sri Angsana Hilir.

Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar

3.6. STATUS GERAJ B.O.T TAMAN MUDA

Pihak Jabatan diminta memaklumkan kedudukan status gerai B.O.T yang sudah tamat tempoh susulan daripada perbincangan dalam mesyuarat yang telah diadakan pada 1 April 2014 bersama YB. Pn. Tiew Way Keng.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.7. TEMPAT CUCI KERETA TANPA PERMIT

Semakan ke atas aktiviti 'car wash' yang beroperasi tanpa lesen di Jalan Bunga Tanjung 8B, Taman Muda dan tindakan segera ke atas perkara berkenaan.

Tindakan :
Jabatan Pelesenan

3.8. KERETA BURUK DI JALAN 19, TAMAN PUTRA

Mohon diambil tindakan ke atas sebuah kereta buruk Proton Saga di Jalan 19, Taman Putra.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

3.9. CADANGAN MEMBINA PASAR, PARKING DAN KONDOMINIUM BERTINGKAT

Mencadangkan agar Jabatan Perancang Bandar dapat membuat kajian ke atas tanah kosong dan tanah B.O.T. untuk projek usahasama dengan pemaju untuk membina pasar, parking dan kondominium bertingkat.

Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar

3.10. KERETA BURUK DI JALAN LEMBAH JAYA (SEBELAH GERAI GORENG PISANG)

Terdapat kereta buruk di Jalan Lembah Jaya (sebelah gerai goreng pisang) yang boleh menyebabkan tempat pembiakan nyamuk kerana air bertakung di dalam kereta tersebut.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

3.11. OPERASI KEDAI IKLAN DI NO. 19G, JALAN MULIA JAYA 4/1, TAMAN MULIA JAYA YANG MENGELUARKAN GAS-GAS BERACUN

Terdapat kedai iklan di No.19G, Jalan Mulia Jaya 4/1, Taman Mulia Jaya yang beroperasi dengan mengeluarkan gas-gas beracun. Keadaan ini mengganggu kesihatan penduduk setempat. Mohon tindakan selanjutnya daripada pihak Majlis.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.12. PEMOHONAN PEMBINAAN RANGKA IKLAN JKP DI SIMPANG 8B LEMBAH JAYA SELATAN DAN PERSIMPANGAN JALAN INDUSTRI

Pemohonan pembinaan sebuah rangka iklan JKP di simpang 8B Lembah Jaya Selatan dan di persimpangan Jalan Industri (hadapan tangki air Syabas).

Tindakan :

Jabatan Belia & Kemasyarakatan

3.13. STATUS GERAI DI LOT 1779, KG AMPANG INDAH

Ahli Majlis kawasan telah menerima salinan notis daripada pemilik gerai di Lot 1779, Kg Ampang Indah. Barang-barang gerai tersebut telah dirampas oleh pihak Majlis. Apakah tindakan pihak Majlis ke atas gerai tersebut?

Pihak Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan telah mengarahkan pemilik gerai merobohkan sendiri gerai. Maklumat dari Jabatan Penguatkuasa pemilik gerai tersebut telah menyewakan gerai tersebut kepada penduduk Myanmar.

Mesyuarat bersetuju gerai tersebut dirobohkan sendiri oleh pemilik.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.14. PENAMBAHAN DI BAHAGIAN BELAKANG GERAI PLB, TAMAN SRI RAYA

Terdapat penambahan di bahagian belakang gerai PLB, Taman Sri Raya dan mohon tindakan penguatkuasaan daripada Majlis.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.15. RUMAH KEDAI (WARNA HIJAU) FASA 3, TAMAN LEMBAH MAJU MEMBUANG PLAT-PLAT KAYU

Tindakan dan semakan daripada Jabatan Penguatkuasa berkaitan terdapat rumah kedai berwarna hijau di Fasa 3, Taman Lembah Maju yang sering membuang phalet kayu.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa

3.16. RUMAH KEDAI DI FASA 3, TAMAN LEMBAH MAJU YANG MENUTUP LONGKANG DENGAN KONKRIT

3 premis perniagaan di rumah kedai Fasa 3, Taman Lembah Maju telah menutup longkang dengan konkrit. Ini menyebabkan longkang tersebut sukar dibersihkan oleh pihak kontraktor. Mohon tindakan diambil ke atas perkara tersebut.

Tindakan :

Jabatan Bangunan dan Senibina/

Jabatan Penguatkuasa

3.17. PUSAT SIBER HARAM DI FASA 3, TAMAN LEMBAH MAJU

Semakan dan tindakan penguatkuasaan ke atas pusat siber yang beroperasi secara haram di Fasa 3, Taman Lembah Maju. Pusat siber tersebut beroperasi pada waktu malam sahaja dan terdapat pintu rahsia iaitu pintu belakang.

Tindakan :

Jabatan Pelesenan / Jabatan Penguatkuasa

3.18. REBAN AYAM DAN PUSAT KITAR SEMULA DI BELAKANG FASA 3, TAMAN LEMBAH MAJU

Semakan ke atas reban ayam haram dan pusat kitar semula di belakang Fasa 3, Taman Lembah Maju yang beroperasi secara haram menyebabkan pencemaran bau. Kawasan tersebut diawasi oleh orang-orang Myanmar. Dinasihatkan tindakan diambil dengan bantuan dan kerjasama pihak polis.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

5.2.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KEWANGAN DAN TAKSIRAN BIL.3/2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.3/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 17 APRIL 2014

MASA : 11.00 PAGI - 12.35 TENGAHARI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Pn. Sian Keng Eng | - | '' |
| 4. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | '' |
| 5. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | '' |
| 6. | Tn. Ramli Bin Md. Said | - | '' |
| 7. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | '' |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|----------------------------------|---|-------------|
| 1. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | Ahli Majlis |
|----|----------------------------------|---|-------------|

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.3/2014**

LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.3/2014 telah diadakan pada 17 April 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. LAPORAN ANALISA KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN DARI
1 JANUARI 2014 SEHINGGA 31 MAC 2014**

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai taksiran. Bil cukai taksiran yang sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari – Jun 2014 ialah sebanyak RM46.70 juta dan tunggakan cukai sebanyak RM14.10 juta dengan jumlah bil yang dikeluarkan 167,321 bil bagi tempoh penggal pertama (1) dalam tahun 2014.

2.1.2. Secara keseluruhannya kutipan hasil cukai taksiran dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Mac 2014 ialah sebanyak RM37.68 juta. Pencapaian kutipan semasa cukai taksiran adalah

RM32.99juta; 70.66% dan kutipan tunggakan cukai taksiran adalah RM4.69 juta; 33.29%.

2.1.3. Berikut adalah perbandingan kutipan cukai taksiran bagi tempoh 31 Mac 2014 dan 31 Mac 2013.

Perbandingan kutipan cukai taksiran			
Perkara	01/01/14 – 31/03/14	01/01/13 – 31/03/13	Ulasan
Kutipan cukai semasa	RM32.99juta	RM29.53juta	Peningkatan kutipan cukai semasa RM3.46juta; 10.48%
Kutipan tunggakan cukai	RM4.69juta	RM4.05juta	Peningkatan kutipan tunggakan cukai RM0.64juta; 13.64%
Jumlah	RM37.68juta	RM33.58juta	Peningkatan kutipan keseluruhan RM4.10juta; 10.88%

2.1.4. Laporan Tunggakan Cukai Taksiran 1 Januari 2014 sehingga 31 Mac 2014 dan senarai 50 pemaju serta 100 individu Tunggakan Cukai Taksiran.

2.1.5. Analisa pencapaian kutipan cukai taksiran dilaporkan sehingga 31 Mac 2014 dengan sasaran kutipan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Analisa pencapaian kutipan sasaran yang diarahkan oleh SUK			
Jenis cukai taksiran	Sasaran kutipan arahan SUK	Pencapaian Majlis	Kekurangan/ Lebihan sasaran
Cukai semasa	RM42.03juta	RM32.99juta	RM9.04juta
Tunggakan cukai	RM9.87juta	RM4.69juta	RM5.18juta

2.1.6. Pelan Tindakan Jabatan bagi meningkatkan prestasi kutipan adalah berterusan dan komited seperti berikut:

- a) Perlaksanaan kaunter bergerak mengikut Zon Ampang dan Zon Hulu Kelang dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah pemegang harta.
- b) Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap Sabtu pada bulan Januari, Februari, Julai, Ogos dan Disember serta

setiap hari Ahad di Menara MPAJ sahaja pad bulan Februari dan Ogos setiap tahun.

- c) Pembukaan kaunter di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada 15 Februari hingga 28/29 Februari dan 15 Ogos hingga 31 Ogos setiap tahun untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.
- d) Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan pembayaran secara eBanking melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.
- e) Menyediakan sistem komuniti pintar ICOMM (MPAJ Intelligent Community System) bagi memudahkan urusan semakan, pertanyaan akaun dan pembayaran.
- f) Pemberitahuan promosi dan lokasi kaunter bergerak melalui banner di jalan utama, papantanda elektronik di Ampang Point dan memaklumkan aktiviti dan kewajipan membayar cukai melalui media.
- g) Menjalankan kajian secara berterusan ke atas pelaksanaan operasi kutipan oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain bagi mengemaskini dan mendapatkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi kutipan.
- h) Menubuhkan Unit Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran bermula 18 Januari 2010. Unit ini memantau serta

membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilik individu dan syarikat tegar.

- i) Menyenaraihitamkan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran ke *Convergent Technologies Operating System (CTOS)*.

2.1.7. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Mac 2014.**

2.2. LAPORAN ANALISA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2014 DARI 1 JANUARI 2014 SEHINGGA 31 MAC 2014

2.2.1. Mesyuarat dimaklumkan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2014 hingga 31 Mac 2014.

2.2.2. Peruntukan bajet mengurus tahun 2014 adalah sebanyak RM117.30juta dengan perbelanjaan RM19.28juta atau 16.44% daripada peruntukan yang telah diluluskan. Manakala bajet pembangunan dengan peruntukan berjumlah RM2.70juta bagi tahun 2014.

2.2.3. Peruntukan khas yang diterima oleh Majlis hingga 31 Mac 2014 berjumlah RM32.11juta dengan perbelanjaan RM30.63juta atau 95.38%. Peruntukan khas yang telah diterima namun masih belum dibelanjakan hingga 31 Mac 2014 berjumlah RM1.73juta.

2.2.4. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Mac 2014.**

2.3. LAPORAN PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2014 DARI 1 JANUARI 2014 HINGGA 31 MAC 2014

2.3.1. Mesyuarat dimaklumkan penyata pendapatan dan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2014 hingga 31 Mac 2014.

2.3.2. Pendapatan bagi hasil cukai adalah sebanyak RM37.69juta dan pendapatan bagi hasil bukan cukai adalah sebanyak RM6.14juta. Jumlah pendapatan bagi hasil cukai dan hasil bukan cukai Majlis sehingga 31 Mac 2014 berjumlah RM43.83juta. Perbelanjaan Majlis sehingga 31 Mac 2014 berjumlah RM27.62juta. Lebihan pendapatan Majlis sehingga 31 Mac 2014 berjumlah RM16.21juta.

2.3.3. Mesyuarat **mengambil maklum Laporan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dari 1 Januari 2014 hingga 31 Mac 2014.**

2.4. KERJA-KERJA MEMBAIKI HAKISAN CERUN DAN MEMBINA SISTEM SALIRAN SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI KG TASEK PERMAI, AMPANG

2.4.1. Mesyuarat dikemukakan kerja kecemasan yang telah dilaksanakan yang melebihi RM20,000.00.

- 2.4.2. Aduan telah diterima daripada penduduk di sekitar Jalan Permai J, Kg Tasek Permai, Ampang, terdapat hakisan tanah berhampiran dengan kawasan perumahan yang terletak di dalam rezab jalan kesan dari hutan terbakar yang berlaku pada 10 Mac 2014.
- 2.4.3. Hasil daripada semakan, mendapati terdapat kesan hakisan lama dengan darjah berkecerunan 75' hingga 80' iaitu bentuk geografi permukaan cerun tersebut yang tidak sekata di tapak.
- 2.4.4. Pada ketika ini permukaan cerun tersebut telah terdedah hasil dari kebakaran hutan pada 10 Mac 2014, yang boleh menyebabkan hakisan lanjut berlaku.
Keadaan topografi cerun yang menegak juga akan menyebabkan hakisan tanah serta runtuhan jika berlakunya hujan lebat di kawasan tersebut.
- 2.4.5. Majlis telah mengambil tindakan melantik kontraktor JS Sepakat Usaha Enterprise untuk menjalankan kerja berasaskan peruntukan Seksyen 30, AKTA 171.
- 2.4.6. Mesyuarat **bersejua kerja-kerja pembaikan cerun dan membina sistem saliran serta lain-lain yang berkaitan di Kg Tasek Permai, Ampang, Selangor Darul Ehsan dilaksanakan oleh Syarikat JS Sepakat Usaha Enterprise.**

2.5. CADANGAN PELAKSANAAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN SEMULA JALAN (PERMIT KOREKAN) MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MAJLIS MELALUI VOTE 28201 DI JABATAN KEJURUTERAAN

2.5.1. Mesyuarat dikemukakan cadangan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan semula jalan kesan pelaksanaan oleh pihak utiliti (permit korekan) dan individu menggunakan peruntukan Majlis melalui vote 28201 di Jabatan Kejuruteraan.

2.5.2. Cadangan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan semula jalan ini adalah disebabkan masalah yang dihadapi oleh pihak Majlis iaitu kelewatan pihak yang diberi kebenaran (pihak utiliti) permit korekan membaikpulih semula kesan korekan, mengambil masa yang lama hingga menimbulkan aduan-aduan terhadap kerja korekan dan terdapat kerosakan ke atas pembaikan yang dilaksanakan kerana kualiti kerja tidak memuaskan.

2.5.3. Sehubungan itu, Majlis mencadangkan perkara berikut:-

- a) Pihak Majlis dibenarkan melantik kontraktor-kontraktor yang berkecualan bagi melaksanakan kerja-kerja penampalan sementara dengan serta-merta setelah pihak yang diberi permit gagal mematuhi arahan Majlis dalam tempoh 3 hari. Kaedah pelaksanaan menggunakan kaedah inden vote Majlis dan segala kos akan dituntut kembali melalui wang cagaran / bank draf yang dikemukakan.

- b) Bagi pembaikan semula jangka panjang, pihak pemohon diberi surat arahan dalam tempoh 7 hari untuk laksanakan kerja turapan. Sekiranya pihak yang diberikan permit gagal, pihak Majlis akan lantik kontraktor tempatan yang berkeelayakan bagi mengambil tindakan penurapan akhir di tapak. Segala kos akan dituntut semula melalui wang cagaran / bank draf yang dikemukakan.

- c) Pelantikan kontraktor yang berkeelayakan tidak menggunakan kaedah sebutharga atau tender bagi membolehkan kerja-kerja pembaikan dilaksanakan dengan segera atas faktor kecemasan dan keselamatan pengguna jalan raya sepertimana di dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) seksyen 43.

2.5.4. Mesyuarat **bersejtu cadangan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan semula jalan (permit korekan) menggunakan peruntukan Majlis melalui vote 28201 di Jabatan Kejuruteraan atas kegagalan pihak yang diberi permit melaksanakan arahan Majlis dalam tempoh tertentu atas faktor keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.**

2.6. PULANGAN BALIK CUKAI TAKSIRAN (REMISI) KE ATAS BANGUNAN KOSONG SEPANJANG PENGGAL KEDUA CUKAI TAHUN 2013 (JULAI – DISEMBER 2013)

- 2.6.1. Mesyuarat dikemukakan pulangan balik cukai taksiran (remisi) ke atas bangunan kosong sepanjang penggal kedua cukai tahun 2013 (Julai-Disember 2013).
- 2.6.2. Sepanjang penggal kedua cukai Julai-Disember 2013, Majlis telah menerima dan memproses sebanyak 125 permohonan yang layak diberikan pemulangan balik Cukai Taksiran.
- 2.6.3. Hasil dari pengesahan REMISI yang perlu dikembalikan adalah sebanyak **RM99,721.40** perkiraan ini adalah mengambilkira bilangan hari yang layak dipertimbangkan.
- 2.6.4. Pemakluman kekosongan ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan :
 - 2.6.4.1. Bangunan dalam berkeadaan baik dan layak untuk diduduki;
 - 2.6.4.2. Ada usaha untuk mendapatkan penyewa;
 - 2.6.4.3. Bangunan didapati telah kosong melebihi tempoh sebulan;
 - 2.6.4.4. Telah menjelaskan cukai taksiran semasa.
- 2.6.5. Mesyuarat **mengambil maklum dan bersetuju dengan jumlah REMISI seperti di Para 2.6.3 dan diselaraskan semula dalam transaksi setiap akaun yang terlibat.**

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT :-**3.1. STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI TAMAN UKAY PERDANA**

Mesyuarat dimaklumkan, dewan tersebut masih dalam pembinaan dan pelaksanaannya adalah 20% mengikut jadual pelaksanaan.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.2. LOT PARKING DI KAWASAN-KAWASAN BARU

Mesyuarat dimaklumkan, surat maklumbalas kawasan baru menggunakan kupon telah dihantar untuk kali kedua kepada Suasa (M) Sdn. Bhd. Melalui ruj.(67) MPAJ.KEW.H 400-3/3/3 Jld 5 bertarikh 15 April 2014.

Tindakan :

Jabatan Perbendaharaan

3.3. BAJU KORPORAT DAN ALAT TELEKOMUNIKASI YANG AKAN DIBEKALKAN KEPADA AHLI-AHLI MAJLIS

Mesyuarat dimaklumkan, ukuran baju telah diambil pada 30 Mac 2014 dan bekalan alat telekomunikasi dalam proses pembelian.

Makluman

4. HAL-HAL LAIN

4.1. STATUS TUNTUTAN GANTIRUGI (PAMPASAN) DAN HAK SEMPADAN PENYELENGGARAAN OLEH PIHAK BESRAYA

Penjelasan mesyuarat berkenaan tuntutan gantirugi (pampasan) dan had sempadan penyelenggaraan oleh pihak BESRAYA (M) Sdn. Bhd.

Mesyuarat dimaklumkan , pihak Konsesi Besraya (M) Sdn Bhd telah menjelaskan bayaran sebanyak RM 51,151.24 kepada pihak Majlis sebagai gantirugi penggunaan petak tempat letak kereta. Pihak konsesi Besraya juga telah menjelaskan bayaran sebanyak RM 233,877.80 kepada Majlis bagi bayaran gantirugi papan iklan. Walau bagaimanapun, pampasan untuk penebangan pokok Majlis masih belum ada jumlah yang sebenar dan pihak Jabatan Belia dan Masyarakat masih dalam proses melaksanakan tuntutan.

Had Sempadan Penyelenggaraan (LMR) kepada pihak Majlis melibatkan lokasi berikut :-

- a) Jalan susur sepanjang 650m bermula di hadapan Pangsapuri Inai sehingga hadapan Masjid Al - Azim.
- b) Jarak jajaran sepanjang 1.12km dari jalan sedia ada berhadapan Masjid Al-Azin sehingga had akhir lebuh raya di Kg Ampang Campuran termasuk struktur jejambat sepanjang 600m.
- c) Jalan sepanjang 300m di Persiaran Pandan 1.

Mesyuarat juga dimaklumkan bagi penyelenggaraan jejambat yang diserahkan kepada MPAJ pada BR12, pihak majlis hanya

mampu melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin sahaja seperti penurapan dan pembaikan jalan. Sekiranya terdapat kerosakan struktur jejambat BR 12, pada masa hadapan, pihak Majlis akan menutup laluan berkenaan atau melaksanakan perobohan struktur jejambat memandangkan ianya melibatkan kos pembaikan yang tinggi.

Pihak Majlis juga memohon pemberian hak eksklusif bagi pembinaan paparan iklan di sepanjang jajaran Lebuhraya Besraya yang melibatkan kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Makluman

4.2. PEMOHONAN DILANDSKAPKAN DI BAWAH 'FLYOVER' LEBUHRAYA BESRAYA

Pihak Besraya diminta membuat landskap di bawah 'flyover' di sepanjang Lebuhraya Besraya bagi mengindahkan pemandangan di sekitar kawasan tersebut.

Tindakan :

Jabatan Belia & Masyarakat

4.3. 'GREEN BUILDING'

Selaras dengan saranan kerajaan untuk memastikan pembangunan yang mampan sekaligus memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang, pihak jabatan diminta mengkaji penggunaan tenaga solar menggunakan aset / bangunan yang dimiliki oleh Majlis sebagai alternatif kaedah penjimatan.

Tindakan :

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

4.4. PENDAPATAN YANG DITERIMA OLEH MAJLIS DARIPADA PENYEWAAN TEMPAT LETAK KERETA OLEH SUASA EFEKTIF SDN BHD

Mesyuarat dimaklumkan balasan yang diterima oleh pihak Majlis ke atas penyewaan tapak tempat kereta adalah sebanyak sewa bulanan dan 4% daripada hasil kutipan bayaran yang diperolehi pihak syarikat.

Bagi tapak tempat letak kereta ia melibatkan kawasan-kawasan yang telah diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri seperti mana yang diperuntukan pada Jadual Pertama, Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2007.

Makluman

4.5. KES BINAAN RUMAH YANG TIADA ANJAKAN DI BAYU MAS

Pertanyaan berhubung status terkini kes binaan rumah yang tiada anjakan di Bayu Mas. Kes tersebut telah diambil tindakan di mahkamah. Adakah Majlis setuju bayar kompaun pada pemilik atas kesalahan tersebut atau sebaliknya.

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat JK Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin)

Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina/
Jabatan Undang-Undang

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusefia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
22April2014

5.3.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.3/2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.2/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 22 APRIL 2014

MASA : 3.00 PETANG - 5.15 PETANG

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Timbalan Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 4. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 5. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |
| 6. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 7. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |
| 8. | Pn. Yogayswari a/p Ramalu | - | " |
| 9. | Pn. Sian Keng Eng | | |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|----------------------------------|---|-------------|
| 1. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | Ahli Majlis |
| 2. | Tn. Azlan Bin Maddin | - | " |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.03/2014**

**LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.03/2014 telah diadakan pada 22 April 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN BARANG-BARANG LUSUH (BESI BURUK)

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan barang-barang lusuh (Besi Buruk) bagi tahun 2014.

2.1.2 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan barang-barang lusuh (Besi Buruk) oleh Koslia Metal Trading dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun dan mengemukakan surat sokongan bomba dalam tempoh 2 bulan.

2.2 KERTAS CADANGAN GARIS PANDUAN MENGANJURKAN BAZAR RAYA BAGI TAHUN 2014.

2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan Kertas Cadangan Garis panduan menganjurkan bazar raya bagi tahun 2014.

2.2.2 Pihak Majlis telah menetapkan proses permohonan bazar raya bagi tahun 2014 adalah seperti berikut :

- a) Tarikh mula permohonan : 2 Mei 2014
- b) Tarikh tutup permohonan : 15 Mei 2014
- c) Tempoh edaran notis bantahan : 16 Mei 2014 – 31 Mei 2014
- d) Pembentangan kertas : Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bulan Jun 2013
- e) Tempoh mula bazar raya : 1 Julai 2014

- f) Garispanduan permohonan penganjuran bazar raya bagi Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun 2014.

2.2.3 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan kertas cadangan garis panduan menganjurkan bazar raya bagi tahun 2014.

2.3 KERTAS PERBANDINGAN JUMLAH PUSAT SIBER/KAFE SIBER PIHAK BERKUASA TEMPATAN DALAM NEGERI SELANGOR.

2.3.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas perbandingan jumlah pusat siber/kafe siber Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Selangor.

2.3.2 Semenjak tahun 2007, Majlis Perbandaran telah **membekukan** semua permohonan baru untuk mendapatkan lesen perniagaan bagi aktiviti pusat siber atau kafe siber. Arahan ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan)PBT KT Bil 3/2007 bertarikh 17 Julai 2007– Dasar dan Garis Panduan Mengawal Perniagaan Pusat Siber dan Kafe Siber).

2.3.3 Sehingga Mac 2014 Jumlah pusat siber atau kafe siber berlesen dalam Kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya adalah **64 premis**.

2.3.4 Melalui Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT : SPBT BIL. 2/2012 - Garis Panduan Pengawalan Perniagaan dan Reka Bentuk Pusat Siber dan Kafe Siber Negeri Selangor – pembekuan pemberian lesen kepada premis pusat siber atau kafe siber telah ditarikbalik.

- 2.3.5 Semenjak tempoh tersebut, sehingga kini Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah menerima **104** permohonan baru lesen pusat siber atau kafe siber.
- 2.3.6 Melalui Mesyuarat Penuh Majlis bil 10/2013 bertarikh 30 Oktober 2013 telah memutuskan bahawa :
- Semua permohonan bagi lesen pusat siber baru adalah dibekukan sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.***
- Pembekuan lesen adalah bagi tujuan mengkaji keperluan menentukan had dan kuota premis pusat siber atau kafe siber dalam sesuatu kawasan.
- 2.3.7 Sehingga Februari 2014, 59 permohonan daripada 103 permohonan baru telah pun memperolehi surat sokong dari PDRM.
- 2.3.8 Pihak jabatan dikehendaki membuat semakan dengan PBT yang lain berhubung kelulusan lesen pusat siber.
- 2.3.9. Mesyuarat mengambil maklum berkaitan kertas perbandingan jumlah pusat siber / Kafe Siber Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Selangor.

2.4 PERMOHONAN BARU LESEN PREMIS PERNIAGAAN PUSAT SIBER/KAFE SIBER

2.4.1 Mesyuarat dikemukakan dengan **57** permohonan baru lesen perniagaan pusat siber/kafe siber bagi tahun 2014.

2.4.2 Pusat Siber adalah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet.

2.4.3 **Kafe Siber** adalah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet serta menjual makanan dan minuman kepada pelanggan.

2.4.4 Mesyuarat memutuskan bagi permohonan baru lesen perniagaan pusat siber/kafe siber sebanyak 14 permohonan **ditolak** selaras dengan syor Jabatan dan permohonan lain ditangguhkan dan dibentangkan semula pada mesyuarat bulan hadapan. Permohonan yang ditolak adalah seperti berikut:

2.4.4.1 Senarai permohonan yang di **TOLAK** selaras dengan syor jabatan (14 permohonan) :

- 1) CWT Tech Solution : 6-24215 KS
- 2) Pandan Maju Enterprise : 6-24213 KS
- 3) Café City Dot Com : 6-23499 KS
- 4) LKF Tech Solution : 6-24221 KS
- 5) CYP Tech Solution : 6-24226 KS
- 6) CYP Tech Solution : 6-24228 KS

7) LKF Tech Solution	:	6-24223 KS
8) LKF Tech Solution	:	6-24220 KS
9) CYP Tech Solution	:	6-24229 KS
10) LKF Tech Solution	:	6-24222 KS
11) CYP Tech Solution	:	6-24227 KS
12) Pandan Indah Ent.	:	6-24214 KS
13) CYP Tech Solution	:	6-24225 KS
14) Café City Dot Com	:	6-23496 KS

2.4.4.2 Senarai permohonan yang **DITANGGUHKAN** dan akan dibentangkan semula pada mesyuarat bulan hadapan adalah seperti berikut:

1) PF Capital Sdn. Bhd.	:	6-23596 (KS)
2) Big Sky Internet Café	:	6-242233 (KS)
3) YZ Internet Café	:	6-235588 (KS)
4) HKL Station	:	6-23400 (KS)
5) HKL Station	:	6-24085 KS
6) Login PP Internet Café	:	6-24314 KS
7) Talk Box Internet	:	6-23237 KS
8) Big Sky Internet Café	:	6-24231 KS
9) SWK Vision	:	6-23594 KS
10) Advance Logistics Computer Sales & Services	:	6-24126 KS
11) LWS Solution	:	6-23406 KS
12) B Bike Net	:	6-24086 KS
13) TBUN Network	:	6-23960 KS
14) SWK Vision	:	6-23584 KS
15) CMY Tech Solution	:	6-24212 KS

16)SWK Vision	:	6-24218 KS
17) HYS Tech Solution	:	6-24217 KS
18) Talk Box Internet	:	6-24216 KS
19) LSW Solution	:	6-23402 KS
20) SWK Vision	:	6-23594 KS
21) One Cheras Internet Services		
22) YZ Internet	:	6-23589 KS
23) LWS Solution	:	6-23405 KS
24) Shogun Net	:	6-24087 KS
25) LWS Solution	:	6-23403 KS
26) HKL Station	:	6-23399 KS
27) Big Sky Internet Café	:	6-24232 KS
28)HKL Station	:	6-23395 KS
29) CYP Tech Solution	:	6-24225 KS
30) NLF Solution	:	6-24219 KS
31) HKL Station	:	6-23393 KS
32) HKL Station	:	6-23401 KS
33) LWS Solution	:	6-23402 KS
34) Talk Box Internet	:	6-23236 KS
35) Login PP Internet Café	:	6-24313 KS
36)Kafe Internet Aneka	:	6-24315 KS
37)HL Dot Internet Café	:	6-24316 KS
38)Ezscript Enterprise	:	6-23035 KS
39) The Net Zone	:	6-23495 KS
40) Wallwax Dot Com	:	6-23497 KS
41) Wallwax Dot Com	:	6-23497 KS

42) Usaha Net Com

43) Tbn Networks Sdn. Bhd. : 6-24125 KS

3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEPerti BERIKUT :

3.1. KEDAI TANPA LESEN DI PERSIMPANGAN JALAN MULIA DAN JALAN MULIA 1/1

Tindakan sitaan telah dijalankan pada 14 April 2014 terhadap peniaga gerai statik di persimpangan Jalan Mulia dan Jalan Mulia 1/1 setelah peringatan secara lisan dan bertulis telah diberikan kepada peniaga pada 12 Disember 2013 berkenaan status tanah yang dijadikan tempat berniaga adalah bangunan kediaman. Pengusaha gerai juga kebanyakannya adalah warga asing.

**Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa**

3.2. TEMPAT STRATEGIK UNTUK PENIAGA GERAI

Jabatan memaklumkan belum ada sebarang maklum balas diterima berkenaan tapak cadangan untuk dijadikan tapak berniaga di Ampang Campuran di simpang empang menuju Ampang Avenue, Pihak Majlis telah menghantar permohonan untuk menukarkan status tanah tersebut kepada tanah perniagaan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat. Pihak PTD memohon supaya jabatan dapat memaklumkan no. fail permohonan bagi memudahkan semakan dibuat.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.3. SESI PENDENGARAN AWAM ISU PASAR MALAM

Berhubung isu penutupan semua pasar malam di AU1 Keramat, mesyuarat masih mengekalkan keputusan untuk menutup pasar malam ini. Jabatan juga memaklumkan semakan dan bancian pasar malam yang berhampiran untuk lokasi pemindahan peniaga pasar malam sedia ada di situ masih dalam tindakan jabatan.

Mesyuarat mencadangkan supaya satu pertemuan bersama pihak majlis dan Ahli majlis kawasan diadakan bagi membincangkan isu pengurusan pasar malam. Jabatan juga diminta membuat laporan berkaitan isu-isu bayaran bagi pengurusan pasar malam berkaitan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.4. PENIAGA HARAM DI FLAT AR RIDHUAN

Pemantauan yang dijalankan oleh jabatan di kawasan rumah kedai Flat Ar Ridhuan, Hulu Kelang mendapati terdapat 12 buah premis yang telah membuat sambungan di bahagian hadaan premis. Pihak jabatan telah mengeluarkan notis kepada pihak JMB pada 28 Mac 2014. Pihak JMB diberi tempoh 7 hari untuk meruntuhkan struktur tersebut.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

3.5. GERAJ HARAM DI SEKITAR TAMAN PERMATA

Jabatan telah mengambil tindakan sitaan pada 2 April 2014 terhadap peniaga haram di hadapan pasaraya Giant dan Seven Eleven Taman Permata yang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.6. GERAJ HARAM DI AU3/1 TAMAN KERAMAT

5 penjaja sementara di tapak letak kereta AU3/1 Taman Keramat telah dibanci dan telah mengambil borang untuk permohonan permit menjaja sementara. Jabatan juga telah menawarkan penempatan lain bagi Restoren Aladdin namun pihak restoren belum memberikan sebarang maklumbalas. Jabatan memaklumkan tiada lokasi yang sesuai bagi menempatkan sebuah bengkel kereta di kawasan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.7. PENJAJA HARAM DI SEKOLAH RENDAH TAMAN NIRWANA

Jabatan memaklumkan Pekeliling Kementerian Kesihatan Malaysia tidak membenarkan aktiviti perniagaan/menjaja 300m daripada pintu sekolah. Walaubagaimana pun pihak majlis tidak mempunyai kemampuan untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan untuk semua 54 buah sekolah di sekitar MPAJ. Tumpuan tindakan penguatkuasaan di sekolah-sekolah yang terdapat aduan. Pemantauan berkala juga terus dilaksanakan.

Makluman

3.8. BESI BURUK DIBUANG DI KAWASAN TANAH LAPANG

Pihak jabatan telah mengeluarkan notis di bawah Seksyen 46 (1) 9e), Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133) kepada pemilik bengkel yang membuang besi-besi buruk di kawasan tanah lapang di Pandan Mewah. Pemilik diberi tempoh 3 hari untuk mengalihkan kenderaan buruk tersebut. Pihak jabatan juga telah mengeluarkan 6 tawaran kompaun kepada pemilik bengkel di bawah Seksyen 46 (1) (d), Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133)

**Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa**

3.9. BENGKEL KERETA DI KAWASAN INDUSTRI

Jabatan Pelesenan akan membentangkan kertas cadangan penyewaan TLK yang digunakan untuk meletakkan kenderaan dalam Mesyuarat Pengurusan bagi sesi 'brainstorming' sebelum dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan akan datang.

**Tindakan :
Jabatan Pelesenan**

3.10. PENJAJA HARAM DI HADAPAN SMK PANDAN JAYA

Tindakan penguatkuasaan secara berkala terhadap peniaga yang berniaga di hadapan SMK Pandan Jaya (Jalan Pandan 5) yang beroperasi pada waktu tengahari dan petang dilaksanakan.

Makluman

3.11. ADUAN SIBER CAFE BEROPERASI TANPA LESEN

Pengusaha Kafe Siber ALCC yang beralamat di no. 25 Jalan Pandan 2/3, Pandan Jaya telah membuat permohonan lesen dan permohonan baru bagi pusat siber ditangguhkan. Pembentangan semula akan dibuat dalam mesyuarat jawatankuasa bulan hadapan.

Kompaun UUK3, dan UUK 22 di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Siber telah dikeluarkan pada 2 April 2014.

Makluman

3.12. ADUAN GERAI HARAM BUAH-BUAHAN DAN GERAI KEBAB

Tindakan penguatkuasa terhadap gerai menjual buah-buahan dan gerai kebab (dari arah Ampang ke Lebuhraya MRR2) telah diambil tindakan penguatkuasa dengan mengeluarkan notis kepada penjaja gerai tersebut pada 18 April 2014.

Makluman

3.13. AKTIVITI MENGUTIP BARANG KITAR SEMULA DI PANDAN MEWAH

Jabatan telah mengambil tindakan dengan menahan 2 orang warga Myanmar yang sedang mengutip barang-barang terpakai di kawasan rumah sampah di sekitar Pandan Mewah. Mereka diarah supaya tidak melakukan kesalahan yang sama.

Makluman

3.14. KEKURANGAN TEMPAT MEMBUANG SAMPAH DI KAWASAN PERINDUSTRIAN

Notis telah dikeluarkan terhadap pihak kilang/perindustrian di sekitar Pandan Indah Industri bagi menyediakan tong sampah untuk membuang sisa /bahan buangan yang dijanakan dari kilang/perindustrian mereka. Pemantauan dari masa ke semasa akan dilaksanakan.

Makluman

3.15. PREMIS MENJUAL KERETA TERPAKAI DI BLOK 11 PANDAN MEWAH

Lawatan yang dijalankan terhadap sebuah premis yang menjual kereta terpakai dan telah menyebabkan kesesakan lalulintas di sekitar kawasan di Blok 11 Pandan Mewah mendapati premis tersebut telah berpindah.

Makluman

3.16. GERAJ CD CETAK ROMPAK

Tindakan sitaan telah dilaksanakan pada 28 Mac 2014, 2 April 2014, 3 April 2014 dan 10 April 2014 terhadap gerai yang menjual CD cetak rompak di sekitar Bandar Baru Ampang. Isu ini juga telah dipanjangkan kepada pihak KDN dan KPDNKK untuk tindakan bersama.

Makluman

4.0 HAL-HAL LAIN

4.1 GERAI HARAM DI TAMAN BUKIT SEGAR

Terdapat banyak gerai haram yang beroperasi pada waktu malam di hadapan Restoren Thoulat, Taman Bukit Segar (kawasan rumah kedai).

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.2 KERUSI MEJA DI HADAPAN RESTOREN THOULAT

Restoren Thoulat (mamak) di kawasan rumah kedai Taman Bukit Segar meletakkan kerusi dan meja pada waktu malam di atas tempat letak kereta dan menyebabkan halangan.

Tindakan :
Jabatan Pelesenan

4.3 PEMBUANGAN SISA BAHAN KIMIA DI BUKIT PANDAN

Terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sisa bahan kimia di Jalan Pandan Bistari 5, Bukit Pandan Bistari.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

4.4 GERAI HARAM

Terdapat gerai haram menjual burger di Jalan Memanda 4, Ampang Point. Mohon tindakan diambil.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.5 STATUS BOT DI CHERAS INDAH

Mohon jabatan untuk memberi penjelasan berkenaan status BOT di Cheras Indah.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
24April2014

5.4.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM
BIL.2/2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN
KEMUDAHAN AWAM
BIL.2/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 22 APRIL 2014

MASA : 9.30 PAGI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 4. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 5. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 6. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 7. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |
| 8. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 9. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Pn. Sharifah Haslizah Binti Syed Ariffin | - | Ahli Majlis |
| 2. | Tn. Azlan Bin Maddin | - | '' |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 03/2014
LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 02/2014 telah diadakan pada 22 April 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 KERTAS MAKLUMAN BANJIR DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas makluman banjir di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.1.2 Pihak jabatan telah mengenal pasti beberapa lokasi yang sering berlakunya banjir kilat iaitu:-

- a) Flat Ar Ridhuan Hulu Kelang
- b) Taman Nirwana & Taman Putra Sulaiman
- c) Kg Ampang Campuran
- d) Kg Pandan
- e) Pandan Indah

2.1.3 Jabatan telah mengenalpasti masalah-masalah yang sering berlaku banjir adalah seperti berikut:

i) Flat Ar Ridhuan Hulu Kelang

- Permasalahan banjir ini berpunca daripada air dari kawasan projek perumahan milik Gakop Sdn. Bhd. Yang terus memasuki longkang utama di Flat Ar Ridhuan tanpa melalui `retention pond`
- Pihak jabatan telah mengarahkan agar air daripada projek perumahan itu disalurkan ke `retention pond` sebelum ianya di alirkan ke longkang bagi mengatasi masalah ini.
- Sehingga kini permasalahan banjir dikawasan tersebut telah dapat diatasi.

ii) Taman Nirwana & Taman Putra Sulaiman

- Pemeriksaan ditapak mendapati longkang-longkang sediada di Taman Nirwana dan Taman Putra Sulaiman melimpah disebabkan paras air longkang utama telah melebihi daripada paras biasa dan berlakunya `back flow` longkang di kawasan tersebut.

iii) Kg Ampang Campuran

- Pemeriksaan ditapak mendapati limpahan air yang berlaku (banjir) adalah disebabkan aliran air terganggu akibat longkang yang terdapat sampah sarap.

iv) Kg Pandan

- Menaiktaraf pembentung sediaada di Jalan Kemajuan A.
- Kos perbelanjaan bagi menyelesaikan masalah banjir di Jalan Kemajuan A termasuk perlantikan adalah berjumlah RM85,000.00 dan kerja-kerja di dalam tindakan kontraktor.

v) Pandan Indah

- Bagi tindakan jangka pendek, pihak jabatan bercadang untuk membina longkang 450mm x 450mm bersebelahan Kondominium Pandan Ville bagi mengalirkan separuh air longkang di Jalan Pandan Indah 1/16 ke Sungai Kerayong yang berdekatan bagi mengurangkan banjir dikawasan tersebut.

2.1.4 Bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan Majlis, pihak jabatan akan melantik pakar berkaitan hidrologi bagi membuat kajian keseluruhan termasuk cadangan bagi mengatasi masalah banjir yang dihadapi oleh penduduk yang terlibat.

2.1.5 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan kertas makluman banjir di bawah pentadbiran Majlis Perbandran Ampang Jaya. Walau bagaimanapun, jabatan diminta untuk mengkaji semula spesifikasi kerja dan anggaran kos yang diperlukan untuk tindakan yang diambil bagi pembentangan pada mesyuarat akan datang.

**3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT
SEPERTI BERIKUT :**

**3.1. KAJIAN PENYELESAIAN TRAFIK DI JALAN DAGANG DAN SUSUR
MASUK BALAI POLIS AMPANG**

Permohonan bagi kerja-kerja pemasangan lampu isyarat di Jalan Dagang dan susur masuk ke Balai Polis Ampang telah dihantar kepada JKR Selangor untuk kelulusan. Pihak jabatan masih menunggu maklumbalas dari pihak JKR Selangor.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

**3.2. MENAIKTARAF JALAN SUSUR DI MRR2 (BERHAMPIRAN JALAN F
KG PANDAN)**

Kerja-kerja penambahbaikan di jalan susur di MRR2 (berhampiran Jalan F Kg Pandan) telah dilaksanakan oleh pihak JKR Selangor.

Makluman

3.3. PELEBARAN JALAN

Kerja-kerja pembinaan sistem perparitan dan pengalihan longkang sedang dijalankan bagi skop pelebaran jalan (Jalan Manis) di persimpangan keluar Jalan Cheras Hartamas dan jalan DBKL. Kerja-kerja bermula pada 27 Mac 2014 dan dijangka siap pada 19 April 2014.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.4. PENYELENGGARAAN SUNGAI KONGSI 8

Pihak JPS memaklumkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Kongsi 8 di Taman TAR dalam tindakan pihak kontraktor.

**Tindakan:
JPS Gombak**

3.5. TEBING RUNTUH

Kerja - kerja pembaikan tebing runtuh (monsun drain) di Jalan Enggang 13 telah diluluskan dan dalam proses perlantikan pihak konsultan. Kerja-kerja akan dimulakan pada 22 April 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.6. LAMPU JALAN

Pihak JKR memaklumkan kerja-kerja pemasangan lampu jalan di Jalan Langat dari Tasek Tambahan ke Menara Tinjau kerana kawasan tersebut gelap masih lagi belum mendapat

keputusan dari Bahagian Elektrik JKR Selangor. Walau bagaimanapun pihak JKR Hulu Langat telah memasang 'chevron' dan mengecat garisan jalan yang pudar supaya kelihatan jelas pada waktu malam.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

3.7. PENYELENGGARAAN KAWASAN LAPANG

Pihak TNB akan merujuk kepada bahagian berkenaan berhubung tindakan pembersihan bagi kawasan lapang di bawah kabel TNB di sekitar Lorong Enggang 15 dan Jalan Enggang Timur 1 yang ditumbuhi semak samun dan belukar.

**Tindakan:
TNB**

3.8. PENYELENGGARAAN DI PENCAWANG ELEKTRIK TNB

Pihak TNB akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pencawang-pencawang elektik TNB di sekitar Taman Keramat terutama di AU 1B, AU 1A, AU 3/1 Keramat Permai yang telah dipenuhi rumput.

**Tindakan :
TNB**

3.9. PENYELENGGARAAN KAWASAN DI HADAPAN HOTEL FLAMINGO

Jabatan memaklumkan kerja-kerja pembersihan di kawasan hadapan hotel Flamingo dilaksanakan oleh 'back up team' MPAJ pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat. Keadaan di lokasi adalah terkawal. Penyelarasan sedang dilaksanakan oleh pihak JKR dan DBKL.

Makluman

3.10. RUMAH SAMPAH DI FLAT PANDAN UTAMA

Jabatan sedang menunggu maklumbalas dari pejabat ADUN YB Iskandar untuk mesyuarat bagi membincangkan isu rumah sampah tersebut. Mesyuarat dimaklumkan cadangan rekabentuk rumah sampah untuk pembinaan rumah sampah baru di Flat Pandan Utama telah siap. Pihak jabatan juga telah mengeluarkan surat arahan kepada pemaju Sriwijaya berkenaan pembinaan rumah sampah tersebut.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina**

3.11. SETINGGAN DI KG MUHIBBAH

Pihak PTD Hulu Langat akan mengeluarkan notis bagi perobohan setinggan di Jalan Sri Idaman, Kg. Muhibbah yang didiami oleh warga asing (Indonesia) dalam waktu terdekat.

**Tindakan :
PTD Hulu Langat
Jabatan Perancang Bandar**

3.12. PEMBINAAN TANGKI AIR

Berhubung isu tangki air di Taman Pandan Utama, Kg Pandan Fasa 1 dan 2 dan ke atas 3 buah rumah di tapak tangki air di Jalan E, Kg Pandan Dalam, jabatan sedang mendapatkan maklum balas tarikh bagi mengadakan mesyuarat bersama pihak pejabat ADUN YB Tuan Iskandar bin A. Samad.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina**

3.13. KAWASAN TERNAKAN DI LERENG JALAN

Pihak PTD Hulu Langat memaklumkan tiada arahan lanjut dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk kawasan-kawasan yang telah diberikan TOL yang telah tamat tempoh. Pihak PTD Hulu Langat akan menyemak semula berhubung isu kebenaran TOL yang diberikan terhadap kawasan ternakan di lereng jalan di Jalan Hulu Langat kepada pihak Kerajaan Negeri.

**Tindakan :
PTD Hulu Langat**

3.14. ISU PEMBINAAN SEKOLAH KEBANGSAAN UKAY PERDANA

Berhubung isu pembinaan Sekolah Kebangsaan Ukay Perdana, pihak pemaju telah mengemukakan permohonan ke Jawatankuasa Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan dijangka permohonan tersebut akan dibentangkan pada penghujung April 2014. Pemberimilikan tanah kepada rezab sekolah telah diluluskan pada Mac 2014.

**Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar**

3.15. 'CULVERT' TERSUMBAT

Jabatan memaklumkan kerja-kerja pembersihan longkang sering tersumbat di Jalan A (Jalan Besar Kg. Pandan) bersebelahan jalan keluar dari Jalan H (Taman hadapan masjid) dilaksanakan mengikut jadual (2 kali sebulan). Pihak JKR juga memaklumkan pembersihan longkang tersumbat telah dilaksanakan. Jabatan Kejuruteraan sedang

membantu untuk menyelesaikan masalah culvert tersumbat berkenaan dan dalam proses sebutharga bagi kerja-kerja pembaikan.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
Jabatan Kejuruteraan

3.16. PERMOHONAN TOL

Pihak PTD Gombak memaklumkan tidak menerima sebarang permohonan TOL daripada Persatuan Penduduk Taman Sering Ukay, Ukay Perdana berhubung pembinaan pondok pengawal dan boom gate. Permohonan telah diluluskan pada 19 Julai 2013 dalam Mesyuarat J/K OSC Bil.14/2013.

Tindakan:
PTD Gombak

3.17. MOHON LINTASAN BELANG DAN 'SPEED BREAKER'

Kerja-kerja menyediakan lintasan belang 'zebra crossing' dan 'speedbreaker' di persimpangan Jalan 1 (lampu isyarat) dan lampu isyarat persimpangan Jalan Tasek Tambahan 1 dengan Jalan Tasek Tambahan dalam proses sebutharga.

Tindakan :
JKR Hulu Langat

3.18. KEPERLUAN KEMUDAHAN DEWAN

Cadangan rekabentuk bagi pembinaan dewan orang ramai di Zon 24 untuk kegunaan penduduk telah disediakan. Jabatan memaklumkan akan mengadakan sesi pembentangan bersama Ahli Majlis kawasan berkenaan cadangan dewan tersebut. Pihak JKP juga memohon surat

rasmi berhubung tawaran sumbangan dari pihak individu bagi pembinaan dewan tersebut.

Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.19. PENDAWAIAN ELEKTRIK HARAM

Berhubung isu penyambungan elektrik tanpa kebenaran untuk kegunaan gerai-gerai haram di sekitar kawasan lapang Flat Taman Dagang Fasa 2A mesyuarat dimaklumkan penduduk di kawasan tersebut telah bersetuju untuk menubuhkan persatuan penduduk dan membuat permohonan kepada pihak TNB untuk pemasangan kabel elektrik yang lebih sempurna. Mesyuarat meminta jabatan menyemak semula isu berkenaan penjaja haram di kawasan tersebut dan perbincangan bersama pihak ADUN kawasan.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.20. STATUS TANAH UKRC

Pengurusan kes bagi permohonan semakan kehakiman bagi kes bangunan (dewan) bersebelahan Padang MPAJ Kuala Ampang telah ditetapkan pada 22 Mei 2014. Mesyuarat turut dimaklumkan padang dalam keadaan baik dan diselenggara oleh Jabatan Belia dan Masyarakat.

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat
Jabatan Undang-Undang

3.21. MENAIKTARAF DAN PEMBERSIHAN JEJANTAS DI PANDAN INDAH

Kerja-kerja pembaikan jejantas di Pandan Indah dijangka akan dilaksanakan pada bulan Mei 2014. Semakan jabatan juga mendapati keadaan bumbung pada jejantas tidak kritikal.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.22. KERJA-KERJA PEMBANGUNAN PEMAJU THE MARKS

Jabatan telah menarik semula kebenaran kerja lebih masa selepas 9.00 malam terhadap operasi pihak pemaJU The Marks di Taman Bukit Segar disebabkan pemohon gagal mematuhi arahan jabatan pada 1 April 2014. Pada 15 April 2014 jabatan telah mengeluarkan surat tunjuk sebab memandangkan terdapat aduan kerja lebih masa sehingga ke pagi. Pemantauan akan dilaksanakan secara berkala.

**Tindakan :
Jabatan Bangunan dan Senibina**

3.23. STATUS TOKONG DAN LAMAN (LANSKAP)

Berhubung isu tokong kecil di Jalan Cempaka 15, Taman Cempaka yang didapati tiada mendapat kebenaran, jabatan dalam perbincangan dengan pemilik untuk tindakan pengalihan dan pasu bunga yang diletakkan di tempat letak kereta telah dialihkan.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina**

3.24. PENGUBAHSUAIAN TANPA KEBENARAN

Berhubung isu kerja-kerja pengubahsuaian dapur rumah tanpa kebenaran di No. 18, Jalan Indah 34, Cheras Indah , notis seksyen 72 (arahan mengosongkan bangunan) telah dikeluarkan pada 22 Oktober 2013. Jabatan telah membuat perbincangan dengan pemilik pada 18 April 2014 dan pemilik memohon supaya tidak diambil tindakan. Mesyuarat memutuskan supaya tindakan penguatkuasaan dijalankan.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina**

3.25. BATU HIASAN DI TEPI JALAN

Kerja-kerja pembersihan batu hiasan di simpang Taman Melawati yang dipasang oleh pihak Sime Darby yang telah pecah dan rosak telah dilaksanakan.

Makluman

3.26. STATUS IKS DI AU3 TAMAN KERAMAT

Pihak Jabatan memaklumkan dalam peringkat penyediaan dokumen terperinci bagi cadangan pemindahan IKS di AU3 Taman Keramat. Tapak cadangan untuk pemindahan adalah di kolam oksidasi berdekatan IKS AU 3 Keramat. Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja mengkambus kolam oksidasi tersebut akan dilaksanakan mengikut perancangan program ROL yang sedang dilaksanakan. Kos pemindahan IKS tersebut akan ditanggung di bawah peruntukan program ROL. Jabatan diminta menyelaras isu pemindahan ini

bersama pihak terlibat dengan terperinci untuk mengelakkan sebarang masalah pada masa akan datang.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.27. PEMBAIKAN JALAN DI JALAN BESAR AMPANG

Pihak JKR dalam proses permohonan peruntukan dari JKR Selangor berhubung isu pembaikan jalan besar Ampang menghala ke LRT Ampang.

Tindakan:
JKR Hulu Langat

3.28. KECURIAN PASIR

Berhubung kejadian curi pasir di Taman Kencana, lawatan tapak bersama Ahli Majlis Tuan Supiramany a/l Sinnapayal dan Jabatan Kejuruteraan telah diadakan pada 9 April 2014. Pemilik lot telah mendapat kelulusan dari majlis bagi pembangunan lot 12699, Taman Kencana Ampang Selangor.

Makluman

3.29. AKTIVITI PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

Berhubung tanah kosong di Jalan 6/11 Taman Tasek Tambahan yang bersemak samun, pihak PKNS memaklumkan tanah tersebut adalah milik Jurubena Tenaga Sdn.Bhd. Jabatan telah menghantar surat kepada pemaju (Jurubena Tenaga Sdn.Bhd.) supaya memasang 'hoarding' di sekeliling tanah kosong tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.30. PEMBAIKAN DEWAN

Kerja-kerja pembaikan serta pemasangan lampu di gelanggang badminton Dewan Taman Mulia Jaya dalam tindakan pihak kontraktor.

**Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

3.31. LONGKANG TERTUTUP

Jabatan telah mengeluarkan notis kepada 3 buah premis yang menutup keseluruhan longkang di Jalan Bunga Tanjung 9, Taman Putra kawasan rumah kedai yang telah menutup longkang. Pemantauan susulan yang dijalankan pada 15 April 2014 mendapati pemilik premis telah mematuhi arahan notis.

Makluman

3.32. PELEBARAN JALAN

Kerja-kerja pelebaran jalan di Jalan Bunga Mawar 4 Taman Putra di lampu isyarat hadapan Puteri Park akan dilaksanakan oleh pihak pemaju Jaya Ternak Sdn.Bhd. sepertimana di dalam syarat kelulusan kerja pembangunan.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.33. PENGOPERASIAN TADIKA HARAM

Berhubung aktiviti tadika haram yang beroperasi di Jalan 1 Taman TAR tindakan bersama dan bersekali seperti di bawah akan dilaksanakan atas kesalahan yang berbeza.

- i) Jabatan Pelesenan : Kesalahan di bawah UUK 3, UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian
- ii) Jabatan Perancang Bandar : Kesalahan di bawah Akta Perancang Bandar
- iii) Jabatan Bangunan dan Senibina : Kesalahan di bawah salahguna bangunan di bawah Akta 133.

Tindakan:
Jabatan Pelesenan
Jabatan Perancang Bandar
Jabatan Bangunan dan Senibina

3.34. LONGKANG TERSUMBAT

Kerja-kerja pembaikan longkang tersumbat di Flat C700 Pandan Perdana. (Rujukan aduan no.75491) dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.35. CANTAS POKOK

Berkenaan isu pokok di Flat C700 Pandan Perdana, jabatan memaklumkan ia dalam tindakan pemantauan oleh jabatan.

Makluman

3.36. JALAN BERLUBANG

Kerja-kerja pembaikan jalan berlubang di Jalan Perdana 4/3 Pandan Perdana telah dilaksanakan.

Makluman

3.37. LALUAN AIR TERSEKAT

Pihak jabatan telah menghantar surat kepada pihak utiliti Syabas dan TNB untuk tindakan penyelenggaraan longkang yang menyekat aliran air disebabkan halangan paip utiliti di Jalan Teratai 1 /2 dan Jalan Teratai 1 /2E, Taman Bukit Teratai.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.38. POTONG POKOK

Pihak Syabas diminta mengambil tindakan memotong pokok di lereng bukit berdekatan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Seraya.

**Tindakan:
SYABAS KL**

3.39. CANTASAN POKOK

Jabatan telah memaklumkan kepada Jabatan Perhutanan berhubung pokok-pokok dan tumbuhan di sepanjang Jalan Bukit Segar Jaya dan sebahagian berhampiran Pangsapuri Meranti tidak dicantas dan telah condong ke tengah jalan namun tiada sebarang maklumbalas diterima. Jabatan akan melaksanakan kerja-kerja cantasan pokok tersebut dan

pihak jabatan diminta untuk membuat tindakan susulan dengan Jabatan Perhutanan Negeri.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.40. RUMAH SAMPAH TIDAK BERFUNGSI

Ahli majlis kawasan telah membuat pembelian tong sampah 'two wheel bin' dan telah menyumbangkan tong sampah tersebut kepada pemilik dan penyewa premis di sekitar rumah kedai di Taman Bukit Segar.

Makluman

3.41. PEMBAIKAN PAPAN TANDA

Kerja-kerja pembaikan papan tanda 'Dilarang Membuang Sampah' di hadapan Pangsapuri Bukit Segar yang telah rosak dalam tindakan pihak jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.42. PEMBINAAN PLATFORM

Jabatan dalam proses menyelenggara di padang di Pangsapuri Bukit Segar antara Blok A6 dan Blok A7 untuk kegunaan tapak gelanggang bola keranjang.

Makluman

3.43. HAKISAN JALAN

Lawatan tapak yang telah dijalankan di hujung Jalan Pandan 1, Pandan Jaya menghala ke MRR2 (kawasan selekoh) yang telah terhakis mendapati jalan tersebut di bawah penyelenggaraan pihak JKR. Surat telah dihantar kepada pihak JKR pada 25 Mac 2014 untuk tindakan selanjutnya.

**Tindakan:
JKR Hulu Langat**

3.44. ADUAN PEMBERSIHAN LONGKANG

Jabatan telah memberi teguran kepada kontraktor kawasan yang menjalankan kerja-kerja pembersihan longkang di kawasan Komersial (rumah kedai) Pandan Jaya supaya melaksanakan kerja dengan lebih sempurna dan mengikut jadual.

Makluman

3.45. ADUAN POKOK LIAR

Jabatan dalam menyediakan spesifikasi kerja berhubung pokok-pokok kelapa dan pokok kelapa sawit yang mendatangkan masalah dan kacau ganggu di Blok L38A, Jalan Persiaran 2, Pandan Jaya.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.46. KERJA TANAH DI BELAKANG TESCO AMPANG

Hasil semakan dan lawatan yang dijalankan mendapati kerja-kerja tanah yang sedang dilaksanakan oleh pihak tertentu di belakang Pasaraya Tesco Ampang yang juga merupakan tanah rezab TNB telah mendapat kelulusan Majlis.

Makluman

3.47. PEMBAIKAN LAMPU JALAN

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan yang tidak menyala di Jalan Cahaya 15, Taman Cahaya di tepi Apartment Sri Cahaya telah dilaksanakan.

Makluman

3.48. PERMOHONAN LAMPU LIMPAH

Kerja-kerja pemasangan lampu limpah di padang permainan di Jalan 14 Taman Cempaka telah dilaksanakan.

Makluman

3.49. CANTASAN POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok rhu di sepanjang Jalan Cahaya, Taman Cahaya, (Belakang surau An Nur Taman Cempaka) telah dilaksanakan.

Makluman

3.50. CANTASAN POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok di tepi dan tengah jalan di Jalan Pandan Utama, Kg Pandan Dalam dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.51. SAMPAH KILANG DI JALAN CAHAYA 15

Jabatan telah mengeluarkan kompaun kepada Copynet Imaging Solution Sdn.Bhd.yang beralamat di no. 15 Jalan Cahaya 15, Taman Cahaya kerana didapati telah membuang sampah di tempat awam.

Makluman

3.52. PENUTUPAN KAUNTER BAYARAN MAJLIS DI KOMPLEKS MUHIBBAH TAMAN NIRWANA

Dengan asas penjimatan, majlis tidak bercadang untuk kaunter dibuka setiap waktu. Susulan daripada perbincangan bersama Ahli Majlis kawasan, pegawai majlis hanya bertugas pada minggu akhir Februari dan Ogos 2015 sahaja. Jadual operasi kaunter secara off line adalah seperti berikut:

i) 23.02 2015 (Isnin) hingga
26.02. 2015 (Khamis)

24.08. 2015 (Isnin) hingga
27.08. 2015 (Khamis)

Masa :

9.00 pagi – 12.30 petang

2.00 petang – 4.15 petang

ii) 27.02.2015 (Jumaat)

28.08.2015 (Jumaat)

Masa :

9.00 pagi – 12.00 petang

2.45 petang – 4.15 petang

Makluman

3.53. PEMBAIKAN PADANG

Kerja-kerja semakan tapak bagi pembaikan padang Taman Kencana di Jalan 3 /4 Pandan Indah (sebelah tapak pasar malam) akan dilaksanakan oleh jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.54. PEMASANGAN LAMPU LIMPAH

Kerja-kerja pemasangan lampu limbah di bahagian belakang Dewan Orang Ramai Flat Sri Inai, Pandan Indah kerana terlalu gelap pada waktu malam telah dilaksanakan pada 19 April 2014.

Makluman

3.55. PENGGANTIAN PAPAN TANDA

Kerja-kerja penggantian papan tanda nama jalan di kawasan zon 19 yang telah rosak akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan.

Makluman

3.56. CANTASAN POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok di kawasan Flat 610 Jalan 5/20 Pandan Indah dalam proses penyediaan spesifikasi kerja.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.57. PEMOTONGAN RUMPUT TIDAK SEMPURNA

Kerja-kerja pemotongan rumput di Flat Sri Inai telah dilaksanakan pada 8 April 2014 dan 23 April 2014. Pihak jabatan akan memastikan kerja-kerja pembersihan dilaksanakan dengan sempurna.

Makluman

3.58. PEMBAIKAN LANTAI GELANGGANG BOLA KERANJANG DI PADANG PERBANDARAN

Kerja-kerja pembaikan lantai gelanggang bola keranjang di Padang Perbandaran Pandan Indah yang didapati tidak sesuai dalam tindakan jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.59. PEMASANGAN LAMPU

Kerja-kerja pemasangan lampu di padang permainan Jalan F5/F6 Taman Melawati Fasa 5 telah dilaksanakan.

Makluman

3.60. LAMPU TIDAK BERFUNGSI

Kerja-kerja pembaikan lampu 'spot light' di Surau At Tarbiyah, Jalan 11 Taman Melawati Fasa 4 tidak berfungsi telah dilaksanakan.

Makluman

3.61. AIR BERTAKUNG

Kerja-kerja penyelenggaraan di 'bus stop' hadapan perhentian teksi Bandar Melawati yang menyebabkan air bertakung apabila musim hujan telah dilaksanakan.

Makluman

3.62. GERAI BUAH MOHON DIROBOHKAN

Kerja-kerja merobohkan gerai buah yang telah usang dan tidak beroperasi di Pusat Bandar Melawati bersebelahan dengan bangunan TM akan dilaksanakan dalam waktu terdekat.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.63. PEMBERSIHAN LONGKANG DI SEKITAR BAZAR MELAWATI

Pemantauan rapi dibuat ke atas kontraktor pembersihan di sekitar Bazar Melawati, Taman Melawati yang tidak menjalankan kerja dengan sempurna. Aktiviti melibatkan sampah sisa pepejal dan pukal adalah tinggi. Longkang tertutup juga menyukarkan kerja-kerja pembersihan. Jabatan

akan mengadakan gotong royong di kawasan tersebut dalam waktu terdekat.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.64. LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan di hadapan kuari Lembah Jaya Utara sehingga sebelum Flat Desa Lembah Permai sering tidak menyala telah dilaksanakan.

Makluman

3.65. PERMOHONAN BAIKI DEWAN

Pihak jabatan mendapati keadaan di Dewan Taman Halaman di Jalan 5, Taman Halaman terlalu usang dan tidak praktikal untuk dibaiki. Pihak jabatan akan mencadangkan dewan tersebut dirobuhkan dan kawasan tersebut dijadikan kawasan rekreasi.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.66. PERMOHONAN LINTASAN BELANG

Semakan jabatan berhubung permohonan lintasan belang di hadapan Westcourt Ampang Waterfront Fasa 2 (sebelum lampu isyarat simpang empat Taman Kosas) mendapati jalan tersebut di bawah penyelenggaraan pihak JKR. Jabatan telah mengeluarkan surat kepada pihak JKR untuk tindakan.

**Tindakan:
JKR Hulu Langat**

3.67. PAPAN TANDA JADUAL KUTIPAN SAMPAH UNTUK DIBAIKI

Kerja-kerja pembaikan papan tanda jadual kutipan sampah yang telah rosak bertentangan dengan Kondominium Renjana Ampang (Taman Dagang Permai) dalam tindakan jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.68. MENAIKTARAF PADANG

Semakan akan dibuat berhubung isu menaiktaraf struktur tanah/ rumput padang bola di Jalan Rasmi 8, Taman Rasmi Jaya.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.69. PERMOHONAN LALUAN MASUK DAN KELUAR

Kerja-kerja pembinaan laluan masuk dan keluar dari Kondominium Tiara Bukit Indah di Jalan 3/13 ke Taman Botani Bukit Indah telah dilaksanakan pada 18 April 2014.

Makluman

3.70. ISU PAPAN TANDA NAMA JALAN DI KG BUKIT SG SEPUTEH

Hasil lawatan tapak dan perbincangan bersama Ahli Majlis kawasan, berhubung isu tanda nama jalan yang dipasang di kawasan Kg. Bukit Seputeh tidak sama dengan alamat yang digunakan oleh kebanyakan penduduk dalam urusan surat menyurat telah ditangguhkan untuk semakan terperinci

dan akan dibincangkan semula pada masa yang ditetapkan.

Tindakan:

**Jabatan Kejuruteraan
Jabatan Perancang Bandar**

3.71. PEMBINAAN BONGGOL / JEJANTAS

Pihak JKR Hulu Langat akan mengambil tindakan berhubung kenderaan yang dipandu dengan laju di Jalan Bunga Melati 8 , Taman Seraya setelah pelebaran jalan sehingga mengancam keselamatan pengguna lalulintas terutama pelajar sekolah.

Tindakan:

JKR Hulu Langat

3.72. PELEBARAN JALAN DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN BUNGA MELATI 8 TAMAN SERAYA

Pihak JKR telah dimaklumkan berhubung permohonan pelebaran jalan di persimpangan lampu isyarat (arah ke kiri) Jalan Bunga Melati 8 Taman Seraya untuk lebih melancarkan pergerakan lalulintas.

Tindakan:

JKR Hulu Langat

3.73. PEMBAIKAN SUMP/'MANHOLE'

Semakan telah dibuat berhubung 3 sump/ 'manhole' di Jalan Bunga Melati 8, Taman Seraya yang perlu dibaiki/ dinaiktaraf dan mendapati ia di bawah tindakan pihak IWK dan MAXIS. Surat telah dihantar pada 10 April 2014 untuk tindakan selanjutnya.

**Tindakan:
IWK**

3.74. KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG TAMAN MUDA

Kerja-kerja menaiktaraf padang di Jalan Bunga Melur 11 Taman Muda dalam tindakan jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.75. CANTASAN POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok dilaksanakan di sekitar padang Jalan Melur 11, Taman Muda telah dilaksanakan.

Makluman

3.76. STATUS 3 LOT PARKIR KERETA DI JALAN BUNGA TANJUNG 8B, TAMAN MUDA

Semakan di tapak pada 9 April 2014 mendapati parkir di Jalan Bunga Tanjung 8B digunakan sebagai laluan masuk ke lot parkir swasta. 3 lot parkir ditolak sewaan dari rekod Suasa Efektif Sdn.Bhd. sebagai halangan sejak September 2013. Pihak Jabatan Pelesenan diminta menyemak samada operator tempat letak kereta telah memohon lesen tempat letak kereta persendirian.

**Tindakan:
Jabatan Pelesenan**

3.77. KAWASAN PARKIR DIJADIKAN TEMPAT CUCI KERETA

Berhubung isu pihak operator menjalankan aktiviti cuci kereta di parkir di Jalan Bunga Tanjung 8, Taman Muda, kompaun UUK 4, Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kereta

Persendirian telah dikeluarkan atas aktiviti tempat letak kereta dan tindakan sitaan telah dibuat pada 10 April 2014 bagi aktiviti cuci kereta.

**Tindakan:
Jabatan Pelesenan**

3.78. GERAI HARAM

Notis telah dikeluarkan terhadap gerai haram di Pangsapuri Intan Taman Bukit Permai pada 18 April 2014.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.79. LONGKANG KOTOR DAN LONGKANG PECAH

Kerja-kerja pembersihan longkang dan pembaikan longkang di lokasi-lokasi di bawah telah dilaksanakan.

- i) Longkang kotor dan longkang pecah di Jalan Bukit Permai
- ii) Monsun Drain tidak diselenggara di Taman Bukit Permai
- iii) Longkang sump kotor di selekoh Jalan 49 Kg Cheras Baru
- iv) Longkang kotor di kawasan perindustrian Kg.Cheras Baru

Makluman

3.80. PONDOK TELEFON AWAM ROSAK/RUNTUH DI KG CHERAS BARU

Semakan dan lawatan yang dijalankan mendapati pondok telefon awam tersebut di bawah penyelenggaraan pihak Telekom Malaysia dan surat telah dikeluarkan kepada pihak Telekom untuk tindakan.

Makluman

4.0 HAL-HAL LAIN**4.1. LONGKANG RUNTUH**

Mohon kerja-kerja pembaikan longkang di belakang rumah no. 46, Jalan BS2, Taman Bukit Segar yang telah runtuh.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.2 LAMPU TIDAK MENYALA

Lampu jalan tidak berfungsi di Jalan BS 1, Taman Bukit Segar berhampiran pondok pengawal dan sepanjang jalan Bukit Segar Jaya, Jalan BJS 2 Taman Bukit Segar Jaya 1.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.3 PAGAR ROSAK AKIBAT KERJA CANTASAN POKOK

Kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja cantasan pokok di belakang kawasan Bukit Segar Jaya telah merosakkan 'bulbwire' atas pagar yang terdapat di kawasan tersebut dan mohon diperbaiki.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

4.4 SISA CANTASAN POKOK TIDAK DIBERSIHKAN

Terdapat sisa cantasan pokok di belakang Taman Bukit Segar Jaya 2 tidak dibersihkan.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

4.5 JALAN ROSAK

Jalan di Jalan Cheras Hartamas terutama yang berdekatan dengan pintu masuk dan keluar markas (tanpa izin) telah rosak teruk.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.6 LAMPU JALAN TELAH CONDONG

Terdapat lampu jalan yang telah condong di Persiaran Cheras Hartamas hadapan Danau Mas dan mohon dibaiki.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.7 CANTASAN POKOK

Mohon jabatan untuk melaksanakan kerja-kerja cantasan pokok di lokasi berikut:

- i. Pokok di Tasik Taman Rekreasi tepi Danau Mas.
- ii. Pokok-pokok dan tumbuhan di sepanjang Jalan Bukit Segar Jaya. Dahan telah condong ke tengah jalan.

- iii. Pokok di Jalan Cheras Hartamas berdekatan Pangsapuri Kempas telah tumbuh di lorong jalan sebelah kiri.
- iv. Pokok palmtree yang tinggi di Taman Bukit Segar Jaya 1 yang terlalu tinggi.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

4.8. SEMBURAN ASAP NYAMUK 'FOGGING'

Mohon semburan asap nyamuk 'Fogging' di seluruh kawasan Zon 24 kerana ramai penduduk telah menghadapi demam denggi.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.9. GERAI HARAM

Terdapat gerai haram yang telah bertambah banyak di hadapan Kedai Bukit Segar pada waktu malam. Mohon pemantauan dilaksanakan dan tindakan sewajarnya.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.10 BAS DILETAKKAN DI TEPI JALAN

Terdapat sebuah bas persiaran no pendaftaran WLT 9559 kepunyaan Kiffah Travel, meletakkan bas tersebut di tepi zon hijau Jalan Bukit Segar Jaya (antara Bukit Segar Jaya 2 dan

pangsapuri Cemara) pada setiap malam. Jalan tersebut terlalu sempit dan tidak sesuai untuk meletakkan kenderaan.

Tindakan:
Jabatan Penguat kuasa

4.11. PERMOHONAN MENAIKTARAF PADANG PERMAINAN KANAK-KANAK

Mohon kerja-kerja menaik taraf dilaksanakan di taman permainan kanak-kanak di Taman Cempaka belakang Dewan Taman Cempaka Kg. Pandan. Terdapat takungan air di situ semasa hujan lebat dan pokok-pokok besar di belakang padang yang membahayakan pengunjung.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

4.12. PERMOHONAN PEMASANGAN LAMPU LIMPAH

Pemasangan lampu limpah di taman permainan kanak-kanak di Flat Angsana Hilir belakang Dewan Orang Ramai di Angsana Hilir.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.13. PERMOHONAN LAMPU JALAN

Mohon pemasangan lampu jalan di tepi Jalan Cahaya 15 berhadapan Apartment Sri Cahaya.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.14. PERMOHONAN UNTUK MENINGGIKAN PENGADANG TAPAK FUTSAL

Mohon ditinggikan pengadang tapak futsal di tepi Lebuhraya MRR2 susur keluar dari Kg Pandan kerana didapati bola kerap keluar ke jalan raya apabila gelanggang tersebut digunakan untuk permainan futsal.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

4.15 PERMOHONAN MENAIKTARAF JALAN

Kerja-kerja menaik taraf jalan di Jalan Nirwana 1 (hadapan petronas) lokasi di persimpangan Lampu Isyarat hadapan Klinik Kg Pandan hingga Lampu Isyarat berhampiran Tangki Air Syabas diperlukan memandangkan keadaan jalan yang berombak dan beralun.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.16 KERJA-KERJA PENGUKUHAN CERUN

Mohon supaya kerja-kerja pengukuhan cerun berhampiran surau Taman Saga, Jalan Saga 24, Jalan Saga 28, Taman Saga Ampang dilaksanakan segera.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.17 PERMOHONAN PEMBAIKAN PADANG

Mohon kerja-kerja pembaikan padang bola di Jalan Teratai 1/9B Taman Bukit Teratai Ampang.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

4.18. PERMOHONAN MEMBAIK PULIH GELANGGANG TENIS

Mohon kerja-kerja membaik pulih gelanggang tenis di padang Jalan Teratai 1/9B, Taman Bukit Teratai.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

4.19. TANAH AWAM DI JADIKAN RUMAH KEDIAMAN

Terdapat sebuah tapak bekas kedai menjual alatan memancing di Jalan AU 1A/2, Taman Keramat berhampiran kedai tomyam dan berhadapan pasar ikan telah dijadikan rumah kediaman. Mohon semakan dan tindakan penguatkuasaan diambil.

Tindakan:
Jabatan Bangunan dan senibina

4.20. PEMBESARAN LONGKANG DI KUALA AMPANG

Mohon kerja-kerja menaik taraf dan membesarkan longkang di sekitar Kuala Ampang kerana sering berlaku banjir.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.21 PEMBAIKAN LONGKANG

Mohon kerja-kerja pembaikan longkang di sekitar kawasan Flat 920 Pandan Indah Jalan 3/3 Pandan Indah.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.22. PEMBERSIHAN TANAH KOSONG

Terdapat tanah kosong milik MAIS di Jalan 6/1 Pandan Indah yang perlu kerja-kerja pembersihan.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.23. PERMOHONAN KERJA PENURAPAN JALAN

Beliau memaklumkan lorong di antara Jalan Pandan Indah 2/10 dan Jalan Bunga Matahari 1 di Taman Maju Jaya Fasa 3, mohon diturap. Lorong sedialda berumput bagi mengelakkan ia disalah guna oleh penduduk berhampiran.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.24. PERMOHONAN PEMOTONGAN POKOK

Mohon kerja-kerja pemotongan pokok di hadapan Surau Ubudiah Jalan Pandan Ilmu, Pandan Indah.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

4.25. PEMBERSIHAN LONGKANG

Mohon kerja-kerja pembersihan longkang di Lorong Bunga Matahari 1A Taman Maju Jaya Fasa 3.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

4.26. LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Lampu jalan tidak menyala di Jalan Bunga Raya di bawah seliaan pihak JKR mohon dibaiki.

**Tindakan:
JKR Hulu Langat**

4.27. 'MANHOLE' IWK MELIMPAHKAN AIR

2 buah 'manhole' IWK di Taman Putra melimpahkan air apabila hujan lebat. Aduan dari penduduk di no. 20 Jalan 22 Taman Putra Ampang.

**Tindakan:
IWK**

4.28. HAKISAN SUNGAI

Terdapat aduan hakisan sungai di bawah seliaan pihak JPS di lokasi berikut:

- i. Jalan Bunga Tanjung 2, Taman Muda
- ii. Jalan 19, Taman Putra Ampang.

Mohon pihak JPS mengambil tindakan pembaikan dengan kadar segera.

**Tindakan:
JPS Hulu Langat**

4.29. LONGKANG / DINDING LONGKANG RUNTUH

Longkang/dinding longkang runtuh di pasar pagi ekspo, Taman Muda berhampiran persimpangan Jalan Bunga Mawar dan Jalan Bunga Mawar 4, Taman Muda.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.30. CANTASAN POKOK

Aduan berkenaan pokok di Jalan Bunga Melati 4 Taman Muda yang perlu dicantas dan mohon ambil tindakan segera.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

4.31. LAPORAN KE ATAS MASALAH LONGKANG DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan diminta membuat kertas laporan ke atas masalah keseluruhan longkang-longkang di kawasan pentadbiran Majlis terutama longkang tersumbat dan rosak yang menghalang kepada kerja-kerja pembersihan.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangakan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
23April2014*

5.5.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL.2/2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN
KEMASYARAKATAN
BIL.2/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 24 APRIL 2014

MASA : 2.30 PETANG

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Timbalan Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 4. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 5. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 6. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |
| 7. | Pn. Sharifah Haslizah Binti Syed Ariffin | - | " |
| 8. | Pn. Yogayswari a/p Ramalu | - | " |
| 9. | Tn. Ramli Bin Md. Said | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|----------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Azlan Bin Maddin | - | Ahli Majlis |
|----|----------------------|---|-------------|

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.3/2014**

**LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN
KEMASYARAKATAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar Dan Kemasyarakatan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.02/2014 telah diadakan pada 24 April 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. TAKLIMAT KAWALAN DAN PENCEGAHAN PENYAKIT
BERJANGKIT OLEH PEJABAT KESIHATAN DAERAH HULU LANGAT.**

2.1.1. Satu taklimat berhubung kawalan dan pencegahan penyakit berjangkit telah disampaikan oleh wakil daripada Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat. Taklimat tersebut mengkhususkan kepada situasi wabak denggi di Mukim Ampang sehingga 22 April 2014.

- 2.1.2. Kes terkumpul mengikut Negeri sehingga 22 April 2014, menunjukkan Negeri Selangor di kedudukan teratas dengan kes sebanyak 16,559, kematian 26 kes, wabak 158 kes bagi populasi penduduk seramai 5,800,100.
- 2.1.3. Kes terkumpul mengikut Daerah di Negeri Selangor menunjukkan Daerah Hulu Langat berada di tempat kedua selepas Daerah Petaling dan Mukim Ampang berada di tempat kedua selepas Kajang dengan kes terkumpul sebanyak 997 kes, 2 kematian dan 9 wabak terkawal.
- 2.1.4. Lokaliti wabak di Mukim Ampang yang dikenalpasti di Grandure Tower, Pandan Indah, Flat Taman Dato' Ahmad Razali, Flat Pandan Perdana, Flat Sri Nilam, Jalan Dagang 6, Jalan 1/7 - 1/19 Pandan Indah, Jalan Saujana 1,2,3,3A,5-7,18-19 Ampang Saujana dan Jalan 5-10 Taman Ampang Utama.
- 2.1.5. Isu dan cabaran dalam menangani denggi adalah disebabkan :
 - 2.1.5.1. Masalah sikap penduduk - kebersihan persekitaran kurang memuaskan, sikap penduduk sukar menyimpan barang terpakai dan kesedaran penduduk dalam menjaga kebersihan di sekitar kawasan perumahan amat kurang.
 - 2.1.5.2. Masalah struktur bangunan - tempas air dan takungan air di perimeter drain di sepanjang koridor, lantai yang tidak rata, kolah dan

tangki individu di dalam bilik air dan longkang tidak diselenggara.

2.1.5.3. Komitmen komuniti - komitmen penduduk dalam mewujudkan JMB, penglibatan JMB dalam memastikan penyelenggaraan fasiliti bangunan dan pemantauan oleh COB.

2.1.6. Penilaian risiko yang dijalankan di beberapa lokasi di kawasan Ampang yang berpotensi menjadi tempat berpotensi pembiakan nyamuk aedes seperti Flat Pandan Jaya, Flat Sri Nilam dan Taman Nirwana adalah seperti berikut:

- a) Bekas plastik bertaburan
- b) Perabot lama dan tayar-tayar buruk
- c) Longkang tidak diselenggara dengan baik
- d) Sampah longgok
- e) Pam tandas yang rosak
- f) Baldi dan kolah mandi
- g) Parimeter drain di kaki lima koridor
- h) pembiakan di bengkel kereta dan nurseri
- i) tandas yang tidak digunakan
- j) kawasan persekitaran yang kotor

2.1.7. Program gotong-royong dan pendidikan kesedaran kepada masyarakat perlu dipertingkatkan supaya gejala wabak denggi di kawasan Ampang dapat diatasi.

2.2. CADANGAN BAGI MENGANJURKAN KEJOHANAN SUKAN JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) MPAJ 2014

2.2.1. Mesyuarat telah dikemukakan dengan cadangan bagi penganjuran kejohanan Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ bagi tahun 2014.

2.2.2. Temasya sukan ini merupakan acara tahunan Majlis. Bagi tahun 2014, terdapat pertambahan bagi acara sukan yang dipertandingkan iaitu bola keranjang bagi kategori lelaki dan wanita dan kategori bola sepak terbuka 9 sebelah. Pada keseluruhannya sebanyak 13 acara sukan dan 23 kategori akan dipertandingkan.

2.2.3. Kejohanan ini akan dilaksanakan oleh JKP zon mengikut acara sukan yang telah dipilih dan dipersetujui sementara Pihak Majlis masih lagi sebagai penyelaras bagi keseluruhan acara.

2.2.4. **Setiap JKP MPAJ memperuntukkan sebanyak RM2,700.00** (24 zon x RM2700.00 = RM64, 800.00) bagi membantu perbelanjaan keseluruhan kejohanan ini. Penyertaan JKP adalah percuma.

2.2.5. Bagi temasya sukan untuk tahun 2014, **hadiah keseluruhan dinaikkan kepada RM4000.00 (johan), RM3000.00 (naib Johan) dan RM2000.00 (tempat ketiga).**

2.2.6. Cadangan tarikh Kejohanan adalah pada **Bulan September 2014.**

2.2.7. Mesyuarat bersetuju dan meluluskan cadangan penganjuran dan perbelanjaan Kejohanan Sukan JKP MPAJ 2014.

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

3.1 ASPEK KESIHATAN

3.1.1 PROGRAM COMBI DAN LAPORAN DENGGI DI SEKITAR AMPANG JAYA

Kes denggi minggu Epid ke 1 hingga minggu epid 16, bagi tahun 2014 iaitu sehingga 12 April 2014, dilaporkan 1244 kes denggi di mana 5 kes demam denggi berdarah.

Didapati 1 lokasi wabak tidak terkawal iaitu di Pandan Indah Granduer Tower dan 10 lokaliti lagi wabak yang terkawal:

1. Taman Keramat (Au3 Taman Keramat Zon 6)
2. Taman Cheras Indah (Jalan Indah 12-15)
3. Taman Melawati (Taman Melawati A)
4. Taman Ampang Mewah (Pangsapuri Taman Ampang Mewah)
5. Taman Seraya (Jalan Bunga Tanjung 11-21)
6. Pandan Perdana (Flat Pandan Perdana)
7. Taman Melawati (Taman Melawati C)

8. Taman Ampang Saujana (Jalan Saujana 1,2,33A,5-7,18,19)
9. Taman Cheras Indah (Jalan Indah 16-23)
10. Taman Ukay Perdana (Ukay Perdana Fasa 1 zon 2)

Dimaklumkan juga gotong royong bersama penduduk di kawasan Ruman Pangsa Sri Nilam kurang mendapat sambutan kerana terdapat ramai warga asing yang menghuni di situ dan aktiviti kawalan akan terus dilakukan. Program COMBI masih diteruskan di Taman Bukit Teratai dan Ampang Hilir.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.2 KEMPEN TANGKAP TIKUS

Mesyuarat dimaklumkan sebanyak 172 karkus telah dikutip sepanjang aktiviti kawalan tikus dijalankan dari bulan Januari hingga 31 Mac 2014, di mana menggunakan racun (Racumin) diletakkan di lubang-lubang tikus yang dikenalpasti.

Lokasi yang terlibat adalah di Jalan Pandan Indah 19, Jalan Pandan Indah 3/3, Fasa 10 Taman Melawati, Persiaran Pandan 1, Pandan Jaya, Jalan Nirwana 38, Lorong 5/6A Taman Sri Raya, Jalan Pandan Indah 14 dan Flat Taman Dagang, Menara Kayangan Taman TAR, Jalan Bukit Indah 3/7 dan Jalan Dagang 16.

Pihak Jabatan diminta supaya kawalan meracun tikus diteruskan di Gerai UPEN, Taman Sri Watan kerana menjadi tempat pembiakan tikus.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.3. PEMERIKSAAN KEBERSIHAN KE ATAS RESTORAN

Mesyuarat dimaklumkan bagi tahun 2014 sehingga Mac 2014, sebanyak 268 buah premis telah diperiksa, di mana 131 buah premis adalah gred A, 107 buah premis adalah gred B dan 30 buah premis Gred C. Peratusan premis bersih adalah 88.8%. Dalam tempoh tersebut sebanyak 46 kompaun telah dikeluarkan. Pada Mac 2014, sebanyak 8 buah premis telah disemak, hanya 1 premis telah diarahkan tutup.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.4. ANJING LIAR

Mesyuarat dimaklumkan lokasi di sekitar tapak pasar tani Taman Ampang Indah berhadapan Dewan Komuniti Taman Ampang Indah dikenalpasti sebagai salah satu lokasi `sukar' bagi operasi anjing liar kerana terdapat belukar, kebun semak yang menyukarkan aktiviti tangkapan. Rondaan telah sering dibuat dan akan dibuat secara berkala.

Makluman

3.2. ASPEK ALAM SEKITAR

3.2.1. KEMPEN TONG SAMPAH

Mesyuarat dimaklumkan kempen tong sampah diteruskan di Bandar Baru Ampang di mana sebanyak 71 notis dan 3 kompaun telah dikeluarkan. Semakan semula notis dilakukan pada 21 April 2014. Kempen tong sampah dihadapan premis akan diteruskan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.2. AKTIVITI TEMPAT LETAK KERETA DI KAWASAN LAPANG YANG SEMAK DI ANTARA JALAN BUNGA TANJUNG 9 DAN BUNGA TANJUNG 8A DAN 8B

Sehingga kini, tiada permohonan diterima daripada pemohon. Kompaun UUK 4, UUK Tempat Letak Kereta Persendirian telah dikeluarkan atas aktiviti tempat letak kereta dan tindakan sitaan telah dibuat pada 10 April 2014 bagi aktiviti cuci kereta.

Tindakan:

Jabatan Pelesenan

3.2.3. PEMBERSIHAN KAWASAN DI KAWASAN PEMAJU TAMAN MESTIKA.

Mesyuarat dimaklumkan sehingga 18 April 2014 mendapati pemaju masih belum mendirikan

'hoarding' seperti yang diarahkan. Pemantauan akan diteruskan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.4. TONG SAMPAH BESAR

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JMB Pangsapuri Sri Angsana perlu memohon kepada pejabat DUN. Undang-Undang Kecil Majlis Perbandaran Ampang Jaya menyatakan pemilik bangunan hendaklah menyediakan sendiri tong sampah seperti yang diarahkan oleh Majlis.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.5. PEMBERSIHAN KAWASAN DI TANAH PEMAJU

Pihak jabatan telah mengeluarkan notis kepada pemilik pada 4 Mac 2014 dengan tempoh 14 hari supaya membersihkan tanah di hadapan Jalan Kelab 7. Jabatan diminta membuat tindakan susulan ke atas notis yang dikeluarkan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.6. TONG SAMPAH BESAR

Mesyuarat dimaklumkan, meletak tong sampah besar di kawasan awam mengundang risiko. Oleh yang

demikian pihak Jabatan dalam usaha membuat kaji selidik terhadap orang awam yang membuang sampah, terutama di simpang Jalan Bunga Tanjung 8, Jalan Bunga Tanjung 8B dan Jalan Bunga Tanjung 9, dan memberi pendidikan terhadap mereka.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.7. PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

Mesyuarat dimaklumkan terdapat 46 lokasi pembuangan sampah haram dan pihak Jabatan dikehendaki membuat tindakan penguatkuasaan seterusnya terhadap isu ini.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.8. SAMPAH LONGGOK

Tindakan pembersihan sampah longgok di simpang Jalan J7/J14, Taman Melawati Fasa 6, telah dilaksanakan pada 10 April 2014 .

Makluman

3.2.9. 'GUTTER' DI JALAN J11, TAMAN MELAWATI FASA 6

Hasil semakan jabatan, mendapati `gutter' yang diadukan bengkok di bahagian dapur dan menakung air serta tempat pembiakan nyamuk di No. 486, Jalan J11, Taman Melawati Fasa 6, didapati tidak bengkok

dan air tidak bertakung serta tidak menghalang aliran air ke longkang.

Makluman

3.3. ASPEK KEMASYARAKATAN

3.3.1. GELANGGANG SEPAK TAKRAW DI TASEK TAMBAHAN

Pihak MBI masih dalam proses penyerahan dokumen kepada MPAJ.

Makluman.

3.3.2. PADANG FUTSAL

Kerja-kerja mengadakan padang futsal di Jalan Kencana 18, Taman Kencana telah selesai dilaksanakan pada 28 Mac 2014.

Makluman

3.3.3. GELANGGANG ANAK MUDA DI JALAN PERSIARAN 7 PANDAN JAYA

Pihak MBI masih dalam proses penyerahan dokumen kepada MPAJ.

Makluman

3.3.4. BAIK PULIH PADANG AWAM

Pihak jabatan sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di padang awam Flat PKNS Jalan 4M.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.5. TREK LARIAN (JOGGING)

Mesyuarat dimaklumkan bonggol yang dipohon di Taman Botanik, Taman Bukit Indah, tidak sesuai dibina di laluan trek jogging kerana aspek keselamatan bagi pengguna kemudahan tersebut. Pihak jabatan akan mengadakan palang bagi mengelakkan trek tersebut dijadikan sebagai trek berlumba.

Makluman

3.3.6. PEMBAIKAN DI DEWAN ORANG RAMAI PANDAN INDAH JALAN 5/12

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembaikan di Dewan Orang Ramai Pandan Indah Jalan 5/12 dalam pelaksanaan oleh pihak kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.3.7. PEMBAIKAN DI DEWAN ORANG RAMAI JALAN 3/3 PANDAN INDAH, PEJABAT AHLI MAJLIS ZON 9

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja mengecat dinding dan menggantikan cermin tingkap sedang dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.4. LAIN-LAIN ASPEK

3.4.1. GERAJ-GERAJ HARAM

Mesyuarat dimaklumkan tindakan perobohan gerai di Bukit Permai Utama 2 telah dilaksanakan pada 8 April 2014.

Makluman

3.4.2. BINAAN HARAM (STRUKTUR TEMPAT MENCUCI PINGGAN MANGKUK)

Mesyuarat dimaklumkan tindakan sitaan/robah telah dilaksanakan ke atas tempat-tempat membasuh pinggan/mangkuk yang terletak di belakang restoran. Sebanyak 3 buah restoran terlibat di Jalan Bunga Tanjung 8, Taman Putra, Ampang. Pihak jabatan juga telah mengeluarkan 126 tawaran kompaun kepada pemilik-pemilik restoran.

Makluman

3.4.3. PAPAN KENYATAAN HAMPIR TUMBANG

Tindakan telah dibuat pada 19 April 2014 bagi membetulkan papan tanda yang condong di Jalan 1A, Taman Melawati Fasa 1.

Makluman

3.4.4. CADANGAN PASAR ATAU GERAI

Pihak Jabatan tidak menerima sebarang permohonan cadangan bagi pembinaan pasar / gerai makan oleh pemilik tanah di Jalan Bunga Tanjung 8. Dimaklumkan tanah tersebut dizonkan sebagai kawasan komersial di dalam Rancangan Tempatan MPAJ 2020.

Makluman

4.0. HAL-HAL LAIN

4.1 ASPEK ALAM SEKITAR

4.1.1. RUMPUT DI 'MOONSON DRAIN'

Mohon dipotong rumput di 'moonson drain' di Taman Kosas Fasa 5 berhadapan Dusun Bandar.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.1.2 TAPAK BEKAS KOLAM MEMANCING DI TAMAN KOSAS

Didapati tapak bekas kolam memancing (pemaju Metroplex) di Taman Kosas menjadi semak dan mohon pembersihan kawasan harus dilakukan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.1.3. PEMBERSIHAN SEMAK

Pembersihan semak dilakukan di sekeliling Dewan Taman Dagang Jaya Jalan 9.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.1.4. RUMPUT TIDAK DIPOTONG MENGIKUT JADUAL

Keadaan rumput yang tidak dipotong mengikut jadual di Jalan Bukit Pandan 2, Bukit Pandan. Keadaan rumput tumbuh setinggi lalang dan mohon diambil perhatian dan tindakan segera.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.1.5. LONGKANG TIDAK DIBERSIHKAN

Keadaan longkang di Jalan Bukit Pandan dipenuhi dengan sampah sarap dan kelihatan tidak dibersihkan dalam jangka masa yang lama. Keadaan longkang

yang kotor boleh mengundang kepada pembiakan nyamuk dan membawa kepada penyakit denggi. Beliau memohon tindakan segera diambil ke atas masalah ini.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.2. ASPEK KEMASYARAKATAN

4.2.1. PAGAR FUTSAL

Mohon supaya kerosakan pagar futsal di Taman Sri Watan dibaiki.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

4.2.2. PADANG KAMPUNG AMPANG INDAH

Mohon supaya padang di Kampung Ampang Indah dibaiki dan dinaik taraf.

.Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

4.2.3. PEMBAIKAN PAGAR DI DEWAN LEMBAH JAYA

Pagar di Dewan Lembah Jaya Selatan, Jalan 9 didapati telah rosak dan perlu dibaiki.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4.2.4. GELANGGANG SEPAK TAKRAW

Mohon dibaiki gelanggang sepak takraw di Dewan Orang Ramai Taman Sri Raya.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

4.2.5. PAPAN TANDA ZON

Papan tanda zon perlu ditukar mengikut zon yang betul seperti Taman TTDI, Taman Ampang Indah, Taman Bukit Indah ditukar ke Zon 10 dan Taman Sierah Oakleaf dan Taman Bukit Alam Ukay ditukar ke Zon 5 dan lain-lain kawasan.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

4.2.6. PEMBAIKAN DEWAN TAMAN BUKIT MULIA (ZON 5)

Mohon supaya kerosakan di Dewan Bukit Mulia dibaiki bagi perkara-perkara berikut:

- cermin tingkap
- pintu masuk tepi
- tandas
- syiling
- pagar
- mengecat dewan
- meter TNB dan meter SYABAS

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4.3. LAIN-LAIN ASPEK

4.3.1. PEMASANGAN `RAILING`

Mohon dipasang `railing` di lokasi berikut:

- a)** di penghujung Jalan Kosas Fasa 5/2 menghala ke parit monsun.
- b)** Di persimpangan lampu isyarat antara Jalan Kosas dan Taman Ampang Indah.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.3.2. LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Lampu jalan di Jalan Watan 8 sebanyak 4 unit tidak berfungsi.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

4.3.3. PAPAN TANDA DILARANG MEMELIHARA BINATANG

Mohon supaya papan tanda `dilarang memelihara binatang` dipasang Flat Desa Lembah Permai.

Tindakan :

Bahagian COB

4.3.4. LONGKANG ROSAK

Kerosakan longkang di lokasi berikut perlu dibaiki :

- a) Longkang di Lot 1321 Jalan Indah 8/1
- b) Longkang di Jalan Dagang Jaya 12
- c) Longkang di Kg Indah Permai di Jalan A1/1F Lot
1679

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

***(Perkara 4.3.1 - 4.3.4 dipindahkan ke Jawatankuasa
Infrastruktur dan Kemudahan Awam)***

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
25/4/2014*

5.6.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT
SETEMPAT (OSC)
BIL.5/2014

MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL. 05/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

TARIKH : 11 APRIL 2014

MASA : 9.30 PAGI

TEMPAT : **BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

1. Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain - Pengerusi
Timbalan Yang DiPertua MPAJ
2. Tn. Haji Meor Rithuan B. Mahamed Said
Ahli Majlis
3. Tn. Ahmad Fauzi B. Mohd Kamis
Ahli Majlis
4. Tn. Lim Fong Len
Ahli Majlis
5. Tn. Supiramany A/L Sinnapayal P.P.N
Ahli Majlis
6. En. Mohd Zuwahir B. Wandu
Pej. Tanah & Daerah Gombak
7. Cik Noor Sahaliza Bt. Ramli
Jabatan Perancang Bandar & Desa, Negeri Selangor
8. En. Tan Chai Oo
Jabatan Mineral & Geosains Selangor
9. En. Faizad Amirul B. A. Razak
Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Selangor

10. Cik Nur Hanis Akmal Bt. Ahmad Fauzi
Jabatan Pengairan & Saliran Gombak
11. En. Azhar B. Ramli
Jabatan Pengairan & Saliran Hulu Langat
12. Pn. Ainon Zakiah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
13. Cik Noor Syazwani Bt. Noor Sazali
Indah Water Konsortium (IWK)
14. Pn. Rosliza Bt. Mohammad
SYABAS
15. Tn. Haji Rahim B. Ab. Rahman
POS Malaysia Berhad
16. Pn. Asiah Bt. Borhan
SKMM Wilayah Tengah
17. Pn. Zuraina Bt. Said
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
18. En. Hasrolnizam B. Shaari
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
19. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf
Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ
20. En. Johari B. Atli
Jabatan Undang-Undang, MPAJ
21. En. Khairulazmi B. Abd Rahman
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MPAJ
22. En. Azam B. Husni
Wakil Jabatan Penguatkuasa, MPA

TURUT HADIR

1. En. Kamarulnizam B. A. Ghani
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
2. En. Mohd Azli B. Othman
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
3. En. Syed Noornekman B. Syed Abdullah
Jabatan Perancang Bandar
4. Pn. Tg. Norhani Bt. Tg. Hamzah
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
5. Pn. Nurul Husna Bt. Mohd Ibrahim
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
6. Pn. Norizan Bt. Ibrahim
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
7. Pn. Ruziana Bt. Leemon
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
8. En. Mohd Hirazat B. Abdul Wahid
Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ
9. Pn. Norizam Bt. Ibrahim
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
10. Pn. Zailani Bt. Rajab
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
11. Pn. Siti Raudah Bt. Idris
Jabatan Perkhidmatan Bandar, MPAJ
12. Pn. Siti Aishah Bt. Salim
Jabatan Undang-Undang, MPAJ

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
2. Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd.
3. Jabatan Kerja Raya Gombak
4. Jabatan Kerja Raya Hulu Langat
5. PDRM (Daerah Ampang)
6. Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Selangor
7. TNB Distribution Sdn. Bhd.
8. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

URUSETIA

1. Pn. Lily Hamaddah Bt. Ramle
Ketua Bahagian OSC
2. En. Mohd Syukri B. Yahya - Pencatit minit
Peg. Perancang Bandar
Bahagian OSC
3. Pn. Rahah Bt. Jalaludin
Pen. Pegawai Senibina
Bahagian OSC
4. Pn. Rozita Bt. Razali
Pen. Jurutera
Bahagian OSC
5. Pn. Intan Azuana Bt. Haris
Pen. Pegawai Perancang Bandar Bahagian OSC

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.03/2014**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 05/2014 telah diadakan pada 11 April 2014 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Satu (1) Permohonan Kebenaran Merancang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah ditangguhkan.

2.1.2 Satu (1) Permohonan Pelan Bangunan pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan.

2.2 PERMOHONAN SERENTAK

2.2.1 Satu (1) Permohonan Serentak Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

2.2.2 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Lima (5) permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan. Satu (1) permohonan telah ditolak, Satu (1) permohonan telah ditangguhkan dan tiga (3) permohonan telah diluluskan dengan syarat.

2.4 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (LANJUT TEMPOH)

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Lanjut Tempoh) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

2.5 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (CADANGAN ALAMAT)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Cadangan Alamat) telah dikemukakan dan telah ditolak.

2.6 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN

Tiga (3) permohonan Pelan Kejuruteraan telah dikemukakan. Satu (1) permohonan telah ditangguhkan, satu (1) permohonan telah ditolak dan satu (1) permohonan telah diluluskan.

2.7 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN

Tiga (3) permohonan Pelan Bangunan telah dikemukakan. Dua (2) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditolak.

2.8 HAL-HAL LAIN

2.8.1 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Pindaan Kebenaran Merancang telah diproses dan diluluskan diluluskan dengan syarat. Perkara tersebut telah

dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 05/2014.

- 2.8.2 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Pembatalan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur telah diproses dan dibatalkan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 05/2014.
- 2.8.3 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Lanjut Tempoh Pelan Bangunan telah diproses dan dibatalkan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 05/2014.
- 2.8.4 Sebanyak 87 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 33 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 05/2014.

(LAMPIRAN 8)

3.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan berharap keputusan yang telah dibuat semasa mesyuarat ini adalah keputusan terbaik untuk semua. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusefia
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)
Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

5.7.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT
SETEMPAT (OSC)
BIL.6/2014

MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL. 06/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Tarikh : **23 APRIL 2014 (RABU)**
Masa : **9.30 pagi**
Tempat : **Bilik Mesyuarat 1**
Aras 16, MPAJ

KEHADIRAN

1. Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain - Pengerusi
Pemangku Yang DiPertua MPAJ
2. Tn. Johari B. Atli
Pemangku Setiausaha MPAJ
3. Tn. Haji Meor Rithuan B. Mahamed Said
Ahli Majlis
4. Tn. Ahmad Fauzi B. Mohd Kamis
Ahli Majlis
5. Tn. Lim Fong Len
Ahli Majlis
6. Tn. Supiramany A/L Sinnapayal P.P.N
Ahli Majlis
7. Cik Noor Sahaliza Bt. Ramli
Jabatan Perancang Bandar & Desa,
Negeri Selangor
8. En. Tan Chai Oo
Jabatan Mineral & Geosains Selangor

9. En. Muhammad Zuhairi B. Zanudin
Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Selangor
10. En. Azhar B. Ramli
Jabatan Pengairan & Saliran Hulu Langat
11. Pn. Nor Liza Bt. Yen
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
12. En. Mohd Zahid B. Abd Aziz
SYABAS
13. Tn. Haji Rahim B. Ab. Rahman
POS Malaysia Berhad
14. En. Kamarulnizam B. A. Ghani
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
15. En. Hasrolnizam B. Shaari
JabatanKejuruteraan, MPAJ
16. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf
Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ
17. Pn. Siti Aishah Bt. Salim
Jabatan Undang-Undang, MPAJ
18. En. Khairulazmi B. Abd Rahman
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MPAJ
19. Pn. Noor IsmezahBt Ismail
Jabatan Belia & Masyarakat
20. En. Azam B. Husni
Wakil Jabatan Penguatkuasa, MPAJ
21. Pn. Siti Raudah Bt. Idris
Jabatan Perkhidmatan Bandar, MPAJ

TURUT HADIR

1. Pn. Rohana Bt. Mohd Nor
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
2. En. Mohd Azli B. Othman
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
3. Pn. Tg. Norhani Bt. Tg. Hamzah
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
4. Pn. Nurul Husna Bt. Mohd Ibrahim
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
5. Pn. Norizan Bt. Ibrahim
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
6. En. Zafrul Fazry B. Mohd Fauzi
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
7. Pn. Norizam Bt. Ibrahim
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
8. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
9. Pn. Safirah Bt. Saad
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
10. En. Hisham Shazri B Mohd Siri
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
11. En. Mohd Faizal B. Arshad
Jabatan Bangunan & Senibina
12. Pn. Norlina Bt. Abu Hassan
Jabatan Bangunan & Senibina
13. Pn. Noraziah Bt Abdul Aziz
Jabatan Bangunan & Senibina

14. En. Ramdan B. Husin
Jabatan Bangunan & Senibina
15. En. Jufri Wazir B. Abd Talib
Jabatan Bangunan & Senibina
16. En. Mohd Marzuki B. Mohd Nor
Jabatan Bangunan & Senibina
17. En. Ahmad Fauzee B. Ismail
Jabatan Bangunan & Senibina

TIDAK HADIR

1. Pej. Tanah & Daerah Gombak
2. Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
2. Kumpulan IKRAM Sdn Bhd
3. Jabatan Kerja Raya Gombak
4. Jabatan Kerja Raya Hulu Langat
5. PDRM (Daerah Ampang)
6. Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Selangor
7. Jabatan Pengairan & Saliran Gombak
8. Indah Water Konsortium (IWK)
9. TNB Distribution Sdn. Bhd.
10. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
11. SKMM Wilayah Tengah

URUSETIA

1. Pn. Lily Hamaddah Bt. Ramle
Ketua Bahagian OSC
2. En. Mohd Syukri B. Yahya - Pencatit minit
Peg. Perancang Bandar
Bahagian OSC
3. Pn. Suzana Bt. Moehamad Ali
Pen. Pegawai Senibina
Bahagian OSC
4. En. Muhammad Hanafi B. Othman
Pen. Jurutera
Bahagian OSC
5. En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim
Pen. Pegawai Perancang Bandar
Bahagian OSC

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.03/2014**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 06/2014 telah diadakan pada 23 April 2014 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Dua (2) Permohonan serentak Pelan Kerja Tanah, Pelan Infrastruktur dan Pelan Bangunan pernah ditangguhkan dibincangkan semula. Bagi Permohonan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur telah diluluskan dan bagi Pelan Bangunan telah diluluskan dengan syarat.

2.1.2 Dua (2) Permohonan Pelan Bangunan pernah ditangguhkan dibincangkan semula. Satu (1) permohonan telah ditangguhkan dan satu (1) permohonan telah ditolak.

2.1.3 Dua (2) Permohonan Kebenaran Merancang pernah ditangguhkan dibincangkan semula. Satu (1)

permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) telah permohonan telah ditolak.

2.1.4 Satu (1) permohonan Cadangan Nama Pembangunan pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan.

2.1.5 Satu (1) permohonan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur pernah ditangguhkan dibincangkan semula. Pelan Kerja Tanah telah diluluskan dengan syarat manakala Pelan Infrastruktur telah ditolak

2.2 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (LANJUT TEMPOH)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Lanjut Tempoh) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

2.4 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (CADANGAN ALAMAT)

Tiga (3) permohonan Kebenaran Merancang (Cadangan Alamat) telah dikemukakan. Satu (1) permohonan telah diluluskan dan dua (2) telah ditolak.

2.5 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN

2.5.1 Satu (1) permohonan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur telah dikemukakan dan telah diluluskan.

2.5.2 Satu (1) permohonan Pelan Infrastruktur telah dikemukakan dan telah diluluskan.

2.6 PELAN KEJURUTERAAN (PELBAGAI)

Satu (1) permohonan Pelan Kejuruteraan (Pelbagai) telah dikemukakan dan cadangan telah dipersetujui oleh mesyuarat.

2.7 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN

2.7.1 Lapan (8) permohonan Pelan Bangunan telah dikemukakan. Dua (2) permohonan telah diluluskan dan enam (6) permohonan telah diluluskan dengan syarat.

2.7.2 Satu (1) permohonan Pelan Struktur Telekomunikasi telah dikemukakan dan telah ditolak.

2.8 HAL-HAL LAIN

2.8.1 Sebanyak 21 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 12 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 06/2014.

2.8.2 Sebanyak 1 Pelan Lampu Jalan Dan Taman diproses dan ditangguhkan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 06/2014.

3.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan berharap keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa ini adalah yang terbaik untuk semua pihak. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)
Majlis Perbandaran Ampang Jaya*